



PENDIDIKAN MORAL

TAHUN

6

SEKOLAH
KEBANGSAAN



KSSR

PENDIDIKAN MORAL TAHUN 6 SK

RM10.50

ISBN 978-983-49-0278-0



9 789834 902780

B296041



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA





RUKUN NEGARA

Bahawasanya Negara Kita Malaysia
mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam
kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana
kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama
secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang
akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikar
akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami
untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan
prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

PENDIDIKAN MORAL

TAHUN

6

SEKOLAH
KEBANGSAAN

PENULIS

- ★ Nur Munirah Teoh binti Abdullah
- ★ Mohd Zaki bin Abdullah

EDITOR

- ★ Rosmani binti Omar
- ★ Azizah binti Ahmad

PEREKA BENTUK

- ★ Norini binti Mat Lana
- ★ Izmawati binti Ismail

ILUSTRATOR

- ★ Noor Azizi bin Umar Ali

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2018



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

No. Siri Buku: 0012

KK 370-1211-00278-2103
ISBN 978-983-49-0278-0

Cetakan Pertama 2015
Cetakan Ketiga 2018
© Dewan Bahasa dan Pustaka 2015

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Penerbit:
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
Telefon: 03-21479000 (8 talian)
Faksimile: 03-21479643
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:
Visual Print Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Azim

Saiz Muka Taip Teks: 13 poin

Dicetak oleh:
Reka Cetak Sdn. Bhd.,
No. 14, Jalan Jemuju 4,
16/13D, Seksyen 16,
40200 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

Penghargaan

Kami merakamkan penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan tenaga dan buah fikiran dalam usaha menerbitkan buku ini.

Penghargaan yang khusus kami berikan kepada:

- Jawatankuasa Penambahbaikan Prof Muka Surat, Bahagian Buku Teks (BBT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Prof Muka Surat, BBT, KPM
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, BBT, KPM
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- Panel Pembaca Luar, DBP
- Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM
- Penyelaras Projek dan Pegawai Teknikal Pendidikan Moral Tahun 6 SK, BBT, KPM
- Editor Pembaca Prof, DBP
- Kementerian Pelancongan Malaysia
- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
- Jabatan Penerangan Malaysia
- Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
- Sarawak Forestry Corporation
- Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Kelantan
- Organisasi atau institusi yang telah memberikan kerjasama dan membenarkan karya atau bahan terbitannya digunakan sebagai bahan pembelajaran.
- Semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku ini.

Kandungan

Unit	Pendahuluan	iv
1	Tajuk : Agama dan Kepercayaan Dihayati, Negara Harmoni Nilai : Kepercayaan kepada Tuhan	1
2	Tajuk : Rakyat Baik Hati Membawa Berkah Nilai : Baik Hati	9
3	Tajuk : Kempen Kemanusiaan Tanggungjawab Bersama Nilai : Bertanggungjawab	19
4	Tajuk : Jasa Tokoh Negara Dikenang Nilai : Berterima Kasih	29
5	Tajuk : Berhemah Tinggi Budaya Kita Nilai: Hemah Tinggi	39
6	Tajuk : Hormati Negara, Rakyat Sejahtera Nilai : Hormat	49
7	Tajuk : Sayangilah Alam, Hargai Kehidupan Nilai : Kasih Sayang	59
8	Tajuk : Adil Pemangkin Keamanan Negara Nilai : Keadilan	69
9	Tajuk : Berani Mempertahankan Nama Negara Nilai : Keberanian	79
10	Tajuk : Rakyat Jujur, Negara Makmur Nilai : Kejujuran	89
11	Tajuk : Bersikap Rajin, Negara Maju Nilai : Kerajinan	99
12	Tajuk : Kerjasama Serikan Kehidupan Nilai : Kerjasama	109
13	Tajuk : Gunakanlah Prasarana Secara Berhemah Nilai : Kesederhanaan	119
14	Tajuk : Toleransi Mengeratkan Hubungan Negara Nilai : Toleransi	129

Pendahuluan

Mata pelajaran Pendidikan Moral merupakan satu usaha untuk mendidik murid menjadi insan yang bermoral dan berakhlak mulia dengan menekankan aspek perkembangan penaaakulan moral, perasaan moral dan perlakuan moral. Sehubungan dengan perkara itu, buku teks *Pendidikan Moral Tahun 6 Sekolah Kebangsaan* dihasilkan bagi memenuhi matlamat tersebut.

Buku ini ditulis berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DKSP) Pendidikan Moral Tahun 6 Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Tema Pendidikan Moral Tahun 6 ialah “Saya dan Negara”. Buku teks ini berfokus kepada pemahaman, penghayatan dan amalan nilai yang dikembangkan melalui 14 nilai murni, iaitu kepercayaan kepada Tuhan, baik hati, bertanggungjawab, berterima kasih, hemah tinggi, hormat, kasih sayang, keadilan, keberanian, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan dan toleransi.

Aktiviti-aktiviti yang disediakan dalam buku ini membolehkan murid menguasai pelbagai kemahiran seperti kemahiran penyelesaian konflik, kemahiran pemikiran kreatif, kemahiran menentang tekanan rakan sebaya, kemahiran kajian masa depan, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran kreativiti dan kemahiran sosial. Penguasaan kemahiran ini penting untuk membantu murid menghadapi dunia ledakan maklumat pada alaf baharu dengan penuh yakin dan bertanggungjawab. Selain itu, penguasaan kemahiran ini juga dapat membantu membina daya tahan dan kebolehan murid menghadapi tekanan dan cabaran hidup.

Bagi merealisasikan matlamat kurikulum kebangsaan untuk melahirkan murid yang seimbang, berdaya tahan, bersifat ingin tahu, berprinsip, bermaklumat dan patriotik serta mempunyai kemahiran berfikir, berkomunikasi dan bekerja secara berpasukan, buku ini turut menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Sesuai dengan matlamat tersebut, murid didedahkan dengan pelbagai alat berfikir seperti peta i-Think dan peta minda serta soalan rangsangan dari aras rendah ke aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir. Aktiviti yang disediakan membolehkan murid mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu.

Bagi memudahkan dan melancarkan proses pembelajaran dan pengajaran, kandungan pembelajaran bagi setiap unit buku ini dibahagikan kepada lima bahagian utama seperti yang berikut.





Konsep

Bahagian ini bertujuan untuk membantu murid memahami konsep nilai dalam konteks diri dan negara. Pelbagai bentuk persembahan digunakan untuk menarik minat murid memahami kandungan yang dipaparkan. Antaranya adalah seperti dialog, lagu, blog, komik, cerita dan wawancara.

Pengukuhan

Bahagian ini bertujuan untuk mengukuhkan pemahaman murid tentang kandungan nilai yang dipelajari. Melalui aktiviti dan bahan rangsangan dalam bahagian ini, murid diharapkan dapat mempraktikkan nilai yang dipelajari dalam kehidupan dan seterusnya memberikan sumbangan kepada negara.



Pengayaan

Bahagian ini bertujuan untuk meningkatkan penghayatan nilai dan menggalakkan perlakuan moral dalam kalangan murid yang cergas. Pelbagai aktiviti yang lebih mencabar disediakan bagi memberikan ruang kepada murid meneroka pemikiran mereka terhadap konsep nilai yang dipelajari. Antaranya adalah melalui permainan, simulasi, main peranan dan reka cipta.

Pemulihan

Bahagian ini bertujuan untuk membantu murid yang belum menguasai nilai meningkatkan pemahaman, penghayatan dan amalan mereka. Pelbagai aktiviti yang mudah dan menarik disediakan untuk membolehkan murid menguasai nilai dengan baik. Aktiviti yang disediakan diharapkan dapat membantu murid mengamalkan nilai dalam kehidupan.



Penilaian

Bahagian ini bertujuan untuk menilai sejauh mana murid memahami dan menguasai nilai yang dipelajari. Terdapat dua bentuk penilaian, iaitu penilaian formatif dan penilaian sumatif. Penilaian formatif dijalankan secara berterusan dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Dalam penilaian formatif, pelbagai instrumen penilaian disediakan seperti penilaian sendiri, catatan anekdot, senarai semak dan skala Likert. Penilaian sumatif pula ialah pelbagai bentuk rangsangan yang disediakan pada akhir setiap unit seperti soalan aneka pilihan, isi tempat kosong dan soalan berstruktur.

Selain itu, kandungan buku teks ini menyediakan maklumat tambahan seperti yang berikut.

Asah Minda

Asah Minda merupakan soalan yang dikemukakan untuk menilai pemahaman dan pengaplikasian sesuatu nilai yang dipelajari oleh murid. Soalan tersebut merangkumi aspek penaaakuan moral, perasaan moral dan perlakuan moral. Murid perlu mengasah minda mereka untuk mencari jawapan bagi soalan tersebut sama ada daripada teks yang diberikan atau berdasarkan pengetahuan serta pengalaman mereka dalam kehidupan seharian.

ASAH MINDA



Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

KBAT diperkenalkan untuk meningkatkan keupayaan murid berfikir secara rasional, kreatif, kritis dan inovatif. Murid diharapkan dapat mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu melalui soalan KBAT yang dikemukakan.

Teropong Maklumat

Bahagian ini bertujuan untuk menjelaskan maksud sesuatu perkataan atau istilah yang digunakan dalam teks. Bahagian ini juga memberikan maklumat tambahan berkaitan dengan sesuatu perkara atau isu yang dibincangkan dalam teks.

TEROPONG MAKLUMAT



- Taufan Haiyan telah berlaku di Filipina pada November 2013. Bencana alam ini telah mengorbankan ribuan nyawa dan memusnahkan harta benda.

NOTA GURU

- Minta murid membawa bahan yang sesuai untuk memaparkan ajaran agama dan kepercayaan pelbagai kaum. Contohnya, murid boleh menggunakan pinggan kertas dan peralatan melukis.

Nota Guru

Bahagian ini bertujuan untuk memberikan panduan atau cadangan kepada guru untuk melaksanakan sesuatu aktiviti yang diberikan. Nota guru juga disediakan untuk membantu dan membimbing murid menjalankan sesuatu aktiviti bagi mencapai standard pembelajaran. Bahagian ini turut mengandungi aktiviti lain yang boleh dilaksanakan oleh guru untuk memperkukuh nilai yang dipelajari.

Standard Pembelajaran

Bahagian ini memberikan maklumat kepada guru tentang standard pembelajaran yang perlu dicapai pada setiap sesi pengajaran. Guru perlu memastikan kesemua standard pembelajaran yang terdapat dalam setiap unit diliputi dan dilaksanakan.




Penulis berharap kandungan yang ditampilkan dalam buku ini dapat membantu murid menjadi insan berakhlak mulia dan berintegriti berasaskan prinsip moral yang dipelajari dan dapat menyumbang ke arah kesejahteraan negara. Diharapkan semoga hasrat untuk melahirkan murid yang berpengetahuan, mempunyai perwatakan yang baik, bersopan santun dan menyumbang secara produktif terhadap masyarakat dan negara dapat dicapai.

Nur Munirah Teoh binti Abdullah
Mohd Zaki bin Abdullah



AGAMA DAN KEPERCAYAAN DIHAYATI, NEGARA HARMONI



Baca dan fahami teks berikut.

Eeswari dan rakan-rakan telah melawat ke pameran bersempena dengan Minggu Keharmonian Agama dan Kepercayaan Peringkat Kebangsaan. Pameran tersebut bertujuan untuk menggalakkan rakyat melaksanakan ajaran agama dan kepercayaan demi keharmonian negara.

Semasa lawatan, mereka telah memperhatikan maklumat yang terdapat di pameran tersebut.

Ajaran Agama dan Kepercayaan demi Keharmonian Negara

Agama Islam

“Wahai, umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain) ...”
Al-Quran, Surah al-Hujurat, ayat 13

Agama Hindu

“Ucapkan kata-kata yang berfaedah, jangan ucapkan kata-kata yang tidak berfaedah di antara kata-kata.”
Maksud Kural ke-200

Agama Sikh

“Ucapan yang baik dan perlakuan yang berhemah adalah asas kepada kebaikan.”
Guru Nanak Dev Ji

Agama Kristian

“Dengan sedaya upaya, berusaha untuk hidup damai dengan semua orang.”
Roma 12:18

Agama Buddha

“Apa jua tindakan yang kamu lakukan, sama ada melalui tubuh badan, tutur kata atau niat, fikir dahulu sama ada akan memudaratkan diri sendiri, orang lain atau kedua-duanya.”
Majjhima Nikaya 1:45

Kepercayaan Semai

Kehidupan manusia dikawal oleh makhluk ghaib yang dipercayai wujud di sekeliling mereka. Makhluk ini ada yang bersikap baik dan ada yang akan mengancam kesejahteraan hidup jika manusia melanggar pantang larang dan adat kepercayaan.



Keesokan harinya, Eeswari dan rakan-rakan berkumpul dan membincangkan hasil lawatan mereka.

Eeswari : Banyak faedah yang kita peroleh daripada lawatan semalam.

Ugong : Memang betul. Apabila kita melaksanakan ajaran agama dan kepercayaan demi keharmonian negara, kita dapat hidup berbaik-baik dan saling membantu antara satu sama lain.

Chester : Saya setuju. Semua ajaran agama dan kepercayaan mengajak kita hidup bersatu padu bagi mengelakkan permusuhan dan pergaduhan.

Eeswari : Ya, Chester. Kalau kita mengamalkan ajaran agama dan kepercayaan, kita akan hidup rukun dan damai. Negara akan terus harmoni dan makmur.



ASAH MINDA

1. Huraikan ajaran agama dan kepercayaan pelbagai kaum yang berkaitan dengan keharmonian negara.
2. Jelaskan kebaikan melaksanakan ajaran agama dan kepercayaan demi keharmonian negara.
3. Ceritakan pengalaman dan perasaan kamu apabila melaksanakan ajaran agama dan kepercayaan demi kesejahteraan diri dan keharmonian negara.

NOTA GURU

- Bincangkan contoh lain tentang ajaran agama dan kepercayaan yang berkaitan dengan keharmonian negara.
- Galakkan murid supaya sentiasa mengamalkan ajaran agama dan kepercayaan demi keharmonian negara.



Ajaran Agama dan Kepercayaan Teras Kesejahteraan Negara

Agama dan kepercayaan memainkan peranan penting bagi sesebuah negara khususnya dalam konteks Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum.



Fahami ajaran pelbagai agama dan kepercayaan di bawah.



Agama saya menggalakkan penganutnya supaya hidup aman damai. Perbalahan dan persengketaan dapat diselesaikan secara baik.

Agama saya menghendaki kami menghormati agama dan kepercayaan kaum lain. Kami juga diajar untuk bekerjasama dan berbuat baik antara satu sama lain.



Agama saya pula mementingkan ikatan persaudaraan untuk hidup bersatu padu dan harmoni.



Penganut agama saya juga mementingkan hidup sejahtera. Kami diajar untuk menyayangi semua orang.



Dalam agama saya, keharmonian masyarakat bermula dari dalam diri sendiri. Kami diajar untuk bersangka baik terhadap orang lain.

Kepercayaan kami pula menekankan hubungan yang mesra antara manusia dengan alam semesta untuk hidup sejahtera.



ASAH MINDA



1. Secara berkumpulan, nyatakan hasrat yang ingin disampaikan oleh kanak-kanak tersebut.
2. Apakah yang perlu kamu lakukan bagi mencapai hasrat tersebut?



NOTA GURU

- Bantu murid mengaitkan perbincangan dengan keharmonian negara.





Kepercayaan kepada Tuhan Asas Hidup Rakyat Malaysia



Hayati dan fahami sajak di bawah.



Ini Negara Kita

Ini negara kita
Negara yang kita kasihi
Di sini lahirnya sebuah cinta
Meskipun berbeza agama dan kepercayaan.

Ini negara kita
Negara yang kita sanjungi
Ajaran agama dan kepercayaan kita patuhi
Saling bertolak ansur dan menghormati.

Ini negara kita
Usah dilebarkan jurang perbezaan
Marilah kita pertahankan perpaduan
Nikmat keharmonian dirasai bersama.

Biar berlainan agama
Biar berbeza kepercayaan
Hasrat tetap sama
Hidup bersatu dalam Malaysia
Bina perpaduan, eratkan hubungan
Kekalkan kesejahteraan negara.



Lengkapkan jadual di bawah.

Kebaikan mengamalkan ajaran agama dan kepercayaan

Perasaan saya apabila mematuhi ajaran agama dan kepercayaan yang berkaitan dengan keharmonian negara

Sebab berperasaan sedemikian



Cari dan kumpulkan maklumat tentang ajaran pelbagai agama dan kepercayaan yang berkaitan dengan keharmonian negara. Paparkan maklumat tersebut secara kreatif di Sudut Pendidikan Moral.

NOTA GURU



- Minta murid membawa bahan yang sesuai untuk memaparkan ajaran agama dan kepercayaan pelbagai kaum. Contohnya, murid boleh menggunakan pinggan kertas dan peralatan melukis.





Taati Ajaran Agama dan Kepercayaan demi Negara Tercinta



Mari jalankan aktiviti bayangan minda.

CARA MENJALANKANNYA

1. Aktiviti ini boleh dijalankan secara berkumpulan.
2. Murid dikehendaki duduk di dalam bulatan dengan selesa.
3. Murid dikehendaki menarik nafas panjang, menahan nafas selama 2 saat dan melepaskannya perlahan-lahan. (ulang 3 kali)
4. Murid dikehendaki menutup mata.
5. Dengan iringan muzik, guru membaca maklumat dalam kad situasi.
6. Murid perlu membayangkan situasi yang digambarkan oleh guru berdasarkan kad tersebut.
7. Murid dikehendaki membuka mata, menarik nafas dan melepaskannya perlahan-lahan.

Kad Situasi:

Bayangkan kamu sedang berjalan di sebuah lorong. Kamu ternampak dua pintu di lorong tersebut.

Kamu menuju ke pintu pertama lalu membukanya. Kamu nampak penduduk pelbagai kaum hidup aman damai.

Mereka saling membantu dalam apa-apa jua aktiviti demi kebaikan bersama. Walaupun berbeza agama dan kepercayaan, penduduk di situ hidup dengan gembiranya.



Pintu pertama

Kemudian, kamu membuka pintu yang kedua. Kamu terdengar dentuman bunyi yang kuat. Rusuhan berlaku di mana-mana. Ada yang marah, menjerit-jerit dan bertelagah sesama sendiri. Ada yang membaling botol dan merosakkan kenderaan. Kamu merasai suasana tegang, tidak tenteram dan huru-hara.



Pintu kedua

ASAH MINDA

1. Ceritakan situasi yang kamu bayangkan semasa berada di pintu pertama dan di pintu kedua.
2. Nyatakan perasaan kamu semasa melihat situasi di setiap pintu tersebut.
3. Suasana di pintu manakah yang kamu inginkan untuk kehidupan rakyat Malaysia? Mengapa?

KBAT

Bagaimanakah kamu melaksanakan ajaran agama dan kepercayaan yang kamu anuti untuk terus hidup harmoni?



Secara berkumpulan, bincangkan kesan kepada rakyat dan negara jika rakyat tidak mengamalkan ajaran agama dan kepercayaan yang berkaitan dengan kemakmuran negara.

Kesan jika tidak mengamalkan ajaran agama dan kepercayaan berkaitan dengan kemakmuran negara.

Kesan kepada rakyat

Kesan kepada negara



Lengkapkan Peta Buih di bawah dengan ciri-ciri seseorang yang mengamalkan ajaran agama dan kepercayaan demi keharmonian negara.



Buat refleksi sendiri. Adakah kamu memiliki ciri tersebut? Jelaskan.

TEROPONG MAKLUMAT

Peta Buih ialah satu daripada peta i-Think. Peta ini biasanya digunakan untuk menerangkan ciri, kualiti, kata adjektif atau sifat sesuatu perkara.



NOTA GURU

- Sediakan dua jenis muzik seperti muzik sentimental dan muzik rancak untuk menjalankan aktiviti bayangan minda.
- Bimbing murid melengkapkan Peta Buih.
- Bulatan Peta Buih boleh ditambah atau dikurangkan mengikut kesesuaian.





Penilaian Formatif



Sejauh manakah kamu melaksanakan ajaran agama dan kepercayaan demi keharmonian negara dalam kehidupan seharian? Bulatkan skala yang menunjukkan amalan kamu.

1
Sangat tidak setuju

2
Tidak setuju

3
Setuju

4
Sangat setuju



1. Saya melaksanakan ajaran agama dan kepercayaan dengan hidup berbaik-baik dalam masyarakat pelbagai kaum.

1

2

3

4

2. Saya berasa gembira kerana dapat hidup harmoni mengikut ajaran agama dan kepercayaan saya.

1

2

3

4

3. Saya mematuhi suruhan Tuhan supaya hidup bertolak ansur demi perpaduan negara.

1

2

3

4

4. Saya berpegang teguh kepada ajaran agama dan kepercayaan dengan menjaga pertuturan semasa berinteraksi.

1

2

3

4

5. Saya percaya rakyat dapat hidup harmoni apabila masyarakat saling menghormati ajaran agama dan kepercayaan masing-masing.

1

2

3

4

6. Saya suka membantu sesama manusia sebagaimana yang dituntut oleh agama dan kepercayaan saya.

1

2

3

4

7. Saya menyokong aktiviti yang berkaitan dengan perpaduan selaras dengan ajaran agama dan kepercayaan saya.

1

2

3

4

Skala Jawapan

3 atau 4 : Kamu seorang yang mengamalkan ajaran agama dan kepercayaan demi keharmonian negara. Teruskan amalan kamu dalam kehidupan seharian.

1 atau 2 : Kamu perlu meningkatkan amalan ajaran agama dan kepercayaan kamu demi keharmonian negara.





Penilaian Sumatif



Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

1. Negara akan _____ apabila kita melaksanakan ajaran agama dan kepercayaan kita untuk hidup bersatu padu.
2. Apabila kita mengikut ajaran agama dan kepercayaan, kita hendaklah _____ amalan keagamaan dan kepercayaan kaum lain.
3. Kita akan berasa _____ apabila rakyat hidup berbaik-baik mengikut ajaran agama dan kepercayaan masing-masing.
4. Kita hendaklah mengamalkan ajaran agama dan kepercayaan dengan saling _____ untuk mengelakkan negara menjadi kacau-bilau.
5. Apabila kita berpegang pada ajaran agama dan kepercayaan, kita akan menjaga _____ supaya tidak menyinggung perasaan orang lain.



Lengkapkan peta minda dengan jawapan yang sesuai.



NOTA GURU



- Bersama-sama dengan murid, rumuskan kebaikan melaksanakan ajaran agama dan kepercayaan demi keharmonian negara.



RAKYAT BAIK HATI MEMBAWA BERKAT



Nyanyikan dan hayati lirik lagu di bawah.



Berbakti demi Negara

Demi negaraku yang tercinta
Akan kuberbakti dan berjasa
Pada fakir dan juga yang miskin
Mangsa bencana tidak kulupa

Anak yatim di mana sahaja
Akan kami berikan sumbangan
Wang ringgit mahupun barangan
Semoga ringan bebanan



Korus
*Seia sekata sehati sejiwa
Menghulurkan bantuan
Kami tulus kami ikhlas
Berbakti demi negara*

Bagi mereka yang berduka
Kami jua turut merasa
Dengarkanlah nasihat kami
Tabahkan hatimu selalu



Jika kita saling membantu
Nasib mereka akan terbela
Hubungan kita bertambah mesra
Rakyat ceria maju negara

Korus
*Seia sekata sehati sejiwa
Menghulurkan bantuan
Kami tulus kami ikhlas
Berbakti demi negara*



Nilai murni kita amalkan
Baik hati bentuk peribadi
Susah senang sama dirasai
Moga negara diberkati

Marilah kita semua berbudi
Berikan bantuan dan sokongan
Rakyat hidup dengan gembira
Sejahtera Malaysia



ASA H MINDA

1. Berdasarkan lirik lagu, kenal pasti golongan yang memerlukan bantuan.
2. Jelaskan cara menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan.
3. Bincangkan kepentingan mengamalkan nilai baik hati demi kesejahteraan negara.
4. Ceritakan pengalaman dan perasaan kamu semasa menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan demi kesejahteraan negara.

NOTA GURU

- Bimbing murid menyanyikan lagu dengan menggunakan irama “Sejahtera Malaysia” atau mengikut kreativiti mereka.
- Minta murid menerangkan cara lain menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan.



PENGUKUHAN Hidup Berbudi, Menabur Bakti



Fahami cerita bersiri di bawah.



1 Kamu, Selvaraj, Parveen Singh dan Khoo Yan membaca akhbar tentang kapal terbang terhempas.



2 Kamu dan rakan-rakan berbincang dengan guru untuk membantu keluarga mangsa.



3 Pelbagai persiapan dibuat untuk mengadakan majlis kutipan derma.



4 Semasa majlis tersebut, warga sekolah menghulurkan sumbangan.





5 Warga sekolah juga memberikan sokongan moral.



6 Warga sekolah menyerahkan hasil kutipan derma kepada keluarga mangsa. Kamu dan rakan-rakan berasa bangga kerana dapat berbudi dan berbakti kepada golongan yang memerlukan.

ASAH MINDA


1. Ceritakan sikap baik hati yang telah kamu dan warga sekolah tunjukkan.
2. Huraikan perasaan kamu apabila turut memberikan sumbangan kepada golongan yang memerlukan.



Jelaskan cara lain yang boleh dilakukan oleh pelbagai pihak untuk membantu keluarga mangsa.



Berdasarkan rajah di bawah, lengkapkan kepentingan kamu membantu mereka yang ditimpa bencana. Bentangkan maklumat tersebut di dalam kelas mengikut kreativiti.



NOTA GURU

- Bimbing murid menghuraikan kebaikan apabila memberikan bantuan kepada golongan yang memerlukan.
- Galakkan murid agar sentiasa peka dan prihatin terhadap keperluan, kesusahan dan penderitaan orang lain.





PENGAYAAN **Hulurkan Sumbangan, Ringankan Bebanan**

Kim Peng dan rakan-rakan berhasrat untuk mengadakan program jualan amal barangan terpakai bagi meringankan beban mereka yang memerlukan. Hasil jualan itu akan disumbangkan kepada rumah kebajikan di seluruh negara. Mereka berjumpa dengan guru Pendidikan Moral untuk membentangkan perancangan program tersebut.

PERANCANGAN PROGRAM JUALAN AMAL BARANGAN TERPAKAI

Sebelum

1. membuat jadual tugasan
2. mendapatkan barangan terpakai seperti pakaian dan buku daripada warga sekolah
3. mengumpulkan barangan dan mengasingkannya mengikut jenis
4. melabelkan harga



Semasa

1. mengagihkan tugasan
2. menyusun barangan terpakai untuk dijual
3. membuat jualan amal semasa aktiviti kokurikulum



Selepas

1. mengumpulkan wang hasil jualan
2. membuat pengiraan wang hasil jualan
3. menyerahkan sumbangan kepada golongan yang memerlukan

ASAH MINDA



1. Apakah tujuan Kim Peng dan rakan-rakan merancang program jualan amal?
2. Ceritakan pengalaman kamu terlibat dalam program untuk membantu golongan yang memerlukan.
3. Terangkan kebaikan memberikan bantuan kepada mereka yang memerlukan.



Secara berkumpulan, pilih satu daripada situasi di bawah. Kemudian, rancang cara untuk membantu mereka dengan berpandukan contoh pada halaman 13.

Situasi 1



Beberapa negeri dilanda banjir. Banyak harta benda mangsa banjir musnah. Mereka memerlukan bantuan untuk memulakan hidup baharu.

Situasi 2



Perayaan Tahun Baharu Cina akan tiba. Rumah anak yatim di seluruh negara memerlukan bantuan bagi menampung keperluan membeli barangan untuk menyambut perayaan tersebut.

Situasi 3



Rumah kebajikan orang-orang tua memerlukan bantuan orang ramai untuk menampung kos pengendalian yang semakin meningkat.

Situasi 4

“Bantulah anak saya”

RM50,000.00 diperlukan untuk rawatan penyakit jantung
 >> oleh Noriswani

Chua We Ling, 45 tahun, seorang ibu tunggal memerlukan RM50,000.00 untuk membiayai kos rawatan penyakit jantung anaknya. Anaknya Seok Choo, 12 tahun telah dikesan menghidap

penyakit jantung sejak dilahirkan. Chua We Ling yang bekerja sebagai pembantu kedai tidak mampu untuk membiayai kos rawatan anaknya. Oleh itu, bantuan daripada orang ramai amat diperlukan.

Akhbar sering menyiarkan berita tentang rayuan bagi menampung kos rawatan rakyat Malaysia yang menghidap penyakit kronik.



Bentangkan perancangan kumpulan kamu di dalam kelas. Laksanakan perancangan tersebut.



NOTA GURU



- Bimbing murid membuat perancangan program amal berdasarkan situasi yang dipilih.
- Minta murid membentangkan perancangan tersebut di hadapan kelas.





Ikhlas Berbakti demi Rakyat



Baca dan fahami perbualan di bawah.

Krishnan : Manding, kebelakangan ini kita dengar banyak golongan yang memerlukan bantuan. Antaranya termasuklah anak yatim, ibu tunggal, golongan fakir dan miskin.

Manding : Marilah kita memberikan bantuan untuk meringankan beban dan kesusahan mereka.

Mun Ho : Kita boleh menghulurkan derma, mengadakan gotong-royong membersihkan kawasan rumah dan menziarahi mereka.

Monica : Kalau begitu, kita reka sebuah tabung daripada bahan terpakai.

Mun Ho : Saya setuju. Kebetulan, pada bulan depan sekolah akan mengadakan program hari keusahawanan.

Krishnan : Bagus tu. Kita boleh menjual tabung tersebut sambil menderma.

Manding : Secara tidak langsung, kita dapat berbakti dan berbudi demi kebaikan rakyat.



ASAH MINDA

1. Berdasarkan dialog, nyatakan bentuk bantuan yang boleh diberikan kepada golongan yang memerlukan.
2. Mengapakah kamu perlu bersikap baik hati terhadap golongan tersebut?



Bagi membantu golongan yang memerlukan, secara berkumpulan, hasilkan sebuah tabung daripada bahan terpakai.

Bahan dan
alatan:



1

Cara
membuatnya:

Gamkan penyepit baju di sekeliling bekas berbentuk silinder secara kreatif.



2

Tebuk lubang pada penutup silinder.



3

Warnakan penyepit baju dengan pelbagai warna.



4

Hias tabung secara kreatif.

Berdasarkan tabung yang dihasilkan:

1. Jalankan jualan tabung tersebut di sekolah untuk membantu mereka yang memerlukan.
2. Sumbangkan hasil jualan tabung tersebut kepada mereka yang memerlukan.



Bersama-sama dengan guru, buat refleksi tentang perasaan kamu apabila menjayakan program membuat dan menjual tabung yang dihasilkan secara kreatif.



5

Tabung yang telah siap untuk dijual.

NOTA GURU

- Bimbing murid menyediakan tabung secara kreatif.
- Berikan penekanan tentang aspek keselamatan semasa murid menjalankan aktiviti.
- Kaitkan bahan yang dihasilkan dengan nilai baik hati kepada negara.

2.1.1
2.1.2
2.1.3
2.1.4





Penilaian Formatif



Catatkan pengalaman kamu menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan dengan menggunakan borang di bawah. Kamu juga boleh mencatatkan pengalaman kamu melihat pelbagai pihak mengamalkan sikap baik hati bagi membantu golongan yang memerlukan.

Borang Berbudi kepada Semua

1. Kategori golongan: Tandakan (✓) pada kotak yang berkenaan.

golongan miskin mangsa bencana alam lain-lain (nyatakan): _____
(nyatakan): _____

2. Cara menghulurkan bantuan kepada golongan tersebut.

3. Kepentingan menghulurkan bantuan kepada golongan tersebut.

4. Perasaan kamu apabila menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan.

5. Tekad kamu untuk terus membantu golongan yang memerlukan.

6. Harapan kamu kepada rakyat Malaysia untuk membantu golongan yang memerlukan.



Penilaian Sumatif



Berdasarkan situasi di bawah, jawab soalan berikut.

A. Persatuan Majlis Kanser Nasional menganjurkan kempen bagi membantu mereka yang menghidap kanser. Persatuan tersebut telah meminta sumbangan dan sokongan daripada pelbagai pihak. Kamu dan kakak telah menurunkan tandatangan bagi menyokong aktiviti yang dilakukan oleh mereka.



1. Wajarkah kamu dan kakak memberikan sokongan terhadap kempen tersebut? Mengapa?

2. Nyatakan cara lain kamu boleh memberikan bantuan bagi menjayakan kempen tersebut.

3. Huraikan kebaikan menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan.



B. Cynthia mengikut kelab kebajikan wanita yang disertai oleh ibunya melawat ke beberapa buah rumah ibu tunggal di negeri Melaka. Cynthia turut memberikan sumbangan.

Cynthia : Mak cik, terimalah sumbangan ikhlas daripada saya. Saya berharap semoga sumbangan ini dapat meringankan kesusahan mak cik sekeluarga.

Mak Cik : Terima kasih. Mak cik sekeluarga bersyukur atas sumbangan yang diberikan. Dapatlah kami meraikan perayaan Tahun Baharu Cina pada tahun ini dengan hati yang ceria.

1. Apakah yang dilakukan oleh Cynthia semasa mengikut ibunya ke rumah ibu tunggal di Melaka?


2. Wajarkah golongan seperti yang di atas diberikan bantuan? Mengapa?

3. Andaikan kamu ialah Cynthia, apakah perasaan kamu apabila turut memberikan sumbangan kepada ibu tunggal?





KEMPEN KEMANUSIAAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA



KONSEP



Baca dan fahami maklumat dalam blog di bawah.



DUNIA KEMANUSIAAN

Selasa, 10 Disember 2013

Negara kita banyak menjalankan kempen kemanusiaan bagi membantu mangsa pelarian, banjir dan gempa bumi yang berlaku di dalam dan di luar negara.

Saya ingin berkongsi pengalaman semasa melibatkan diri dalam kempen kemanusiaan bagi membantu mangsa Taufan Haiyan yang berlaku di Filipina. Saya telah mengikut bapa yang menjadi sukarelawan dalam kempen tersebut yang berlangsung selama dua hari di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.

Pada hari pertama, saya ditugaskan oleh bapa menyusun kerusi untuk acara perasmian kempen. Kemudian, saya ditugaskan di sudut pameran untuk menampal poster dan gambar. Saya juga perlu memastikan kawasan pameran bersih dan kemas.


Pada hari kedua, saya bertugas di sudut kutipan derma. Saya diberi tanggungjawab untuk mengutip derma daripada orang ramai. Satu sudut khas turut disediakan untuk membolehkan orang ramai menderma barangan seperti makanan, pakaian dan peralatan lain.

Saya berpuas hati kerana dapat melaksanakan tanggungjawab bersama-sama dengan bapa dan rakyat Malaysia demi menjayakan kempen kemanusiaan tersebut.



TEROPONG MAKLUMAT

- Taufan Haiyan telah berlaku di Filipina pada November 2013. Bencana alam ini telah mengorbankan ribuan nyawa dan memusnahkan harta benda.



BERITA



GAMBAR



Saya berharap semoga usaha ini dapat meringankan beban mangsa Taufan Haiyan. Marilah kita rakyat Malaysia berdoa agar mangsa tersebut tabah menghadapi dugaan hidup.

KOMEN

Wong Tsing Sing 11 Disember 2013 18:12

Malaysia sangat bertuah kerana tidak mengalami malapetaka seperti itu. Marilah kita bersama-sama menderma untuk misi kemanusiaan ini.

Nur Azni 11 Disember 2013 19:00



Vikneswaran 11 Disember 2013 20:15


Saya kagum akan sikap kamu melibatkan diri dalam kempen kemanusiaan ini.

Tristan Quek 12 Disember 2013 14:07

Saya berharap semoga kita semua dapat melaksanakan tanggungjawab membantu mereka. Sayunya melihat keadaan mereka.

Belinda 12 Disember 2013 15:15

Syabas! ❤️❤️❤️



ASAH MINDA

1. Nyatakan cara Yap Ehin melaksanakan tanggungjawabnya untuk menjayakan kempen kemanusiaan tersebut.
2. Berikan beberapa contoh kempen kemanusiaan lain yang dijalankan di dalam negara kita.
3. Kongsikan pengalaman kamu melihat kesungguhan rakyat Malaysia melaksanakan tanggungjawab bagi menjayakan pelbagai kempen kemanusiaan.
4. Ceritakan perasaan kamu apabila kempen kemanusiaan yang dijalankan mendapat sokongan dan sambutan daripada orang ramai.

NOTA GURU



- Minta murid melayari Internet untuk mendapatkan maklumat tentang pelbagai kempen kemanusiaan yang dijalankan di dalam negara.
- Bincangkan tanggungjawab murid untuk membantu dan menjayakan kempen kemanusiaan.

3.1.1
3.1.2
3.1.3
3.1.4





PENGUKUHAN Tunaikan Tanggungjawab dengan Ikhlas



Teliti gambar di bawah.

Gambar di bawah menunjukkan beberapa malapetaka seperti gempa bumi, kebuluran, tsunami dan ribut yang berlaku di negara lain.



gempa bumi



kebuluran



tsunami



ribut

ASAH MINDA

1. Apakah perasaan kamu apabila menatap gambar-gambar tersebut? Berikan sebab.
2. Bagaimanakah kamu melaksanakan tanggungjawab untuk menjayakan kempen kemanusiaan yang dianjurkan oleh pelbagai pihak di Malaysia?



Apakah yang akan terjadi kepada penduduk dan negara yang mengalami malapetaka jika negara lain tidak menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada mereka?



NOTA GURU

3.1.1
3.1.2
3.1.3
3.1.4


- Bimbing murid melihat kesan kepada negara jika tidak mendapat bantuan kemanusiaan.



Tanggungjawab Dikongsi Bersama



Baca dan fahami catatan seorang sukarelawan Malaysia di sebuah kem pelarian.






ASAH MINDA



Berdasarkan catatan di atas, apakah tanggungjawab kamu untuk membantu mangsa di kem pelarian tersebut?



Kumpulkan dan lengkapkan maklumat tentang agensi yang melaksanakan misi kemanusiaan seperti yang berikut.

Agensi	Misi kemanusiaan	Tanggungjawab saya terhadap misi kemanusiaan	Perasaan saya apabila dapat memberikan sumbangan dalam misi kemanusiaan
 Yayasan Salam Malaysia			
 Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia			
 Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia			

NOTA GURU



- Terangkan kepentingan menunaikan tanggungjawab dalam kempen kemanusiaan kepada murid.
- Galakkan murid mencari maklumat tentang agensi tersebut melalui laman web www.salam.org.my, www.mercy.org.my dan www.redcrescent.org.my.

3.1.1
3.1.2
3.1.3
3.1.4





Laksanakan Tanggungjawab



Baca dan fahami kertas cadangan berikut.

KERTAS CADANGAN MENGADAKAN KEMPEN KEMANUSIAAN MANGSA GEMPA BUMI

1.0 Pengenalan

Banyak kejadian gempa bumi berlaku di seluruh dunia. Ribuan orang terkorban, hilang tempat tinggal dan harta benda musnah. Mereka memerlukan bantuan dan simpati.

2.0 Objektif

- memupuk sikap prihatin murid terhadap mangsa bencana alam
- menggalakkan murid melibatkan diri dan melaksanakan tanggungjawab bagi menjayakan kempen kemanusiaan

3.0 Tarikh, masa dan tempat

Tarikh : 13 Mac 2016
 Masa : 8.00 pagi hingga 4.00 petang
 Tempat : Dewan sekolah

4.0 Aktiviti

- Pameran
- Jualan amal
- Kutipan derma

5.0 Ahli jawatankuasa (AJK) yang terlibat

- AJK Publisiti
- AJK Pameran
- AJK Jualan Amal
- AJK Kutipan Derma
- AJK Dokumentasi

6.0 Anggaran Perbelanjaan

- Publisiti : RM50.00
- Pameran : RM100.00
- Jumlah : RM150.00

7.0 Penutup


Mohon kelulusan pihak sekolah bagi melaksanakan kempen ini.

Disediakan oleh,


(OOI YUNG WEI)
 Setiausaha Kempen
 13 Januari 2016



Secara berkumpulan, bincangkan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh setiap AJK bagi menjayakan kempen kemanusiaan tersebut. Lengkapi carta di bawah.



Buat refleksi sendiri. Apakah perasaan kamu apabila semua AJK berjaya melaksanakan tanggungjawab tersebut? Mengapa?



NOTA GURU

- Bimbing murid menyediakan kertas cadangan secara berkumpulan untuk mengadakan kempen kemanusiaan.
- Jalankan kempen kemanusiaan yang telah dirancang.
- Bincangkan hasil kempen kemanusiaan yang telah dijalankan.



Tanggungjawab Digalas, Kempen Terlaksana



Baca dan lakonkan cerita di bawah.


Beberapa warga belantara sedang berehat dan berbual-bual di tepi sebuah tasik yang cantik. Ikutilah perbualan mereka.

1 Saya kagum akan sikap manusia. Mereka sanggup melaksanakan tanggungjawab bagi menjayakan misi kemanusiaan seperti misi pendidikan di luar negara.

8 Alangkah bagusnya jika kita di belantara ini juga dapat melaksanakan tanggungjawab seperti mereka.

2 Ya. Mereka sanggup menghulurkan bantuan tanpa mengira bangsa, agama dan negara. Mereka melibatkan diri dalam misi bagi membantu penduduk di luar negara.

7 Manusia pastinya terharu dan gembira apabila misi pendidikan mereka dapat dijayakan dengan baik.



3 Misi mereka mendapat sokongan. Semua yang terlibat melaksanakan tanggungjawab dengan baik.

4 Mereka membuat pembahagian tugas untuk memastikan misi yang dijalankan berjaya.

5 Bukan itu sahaja. Banyak pihak yang tampil menderma dan memberikan sumbangan dalam bentuk barangan dan sokongan moral.

6 Ada yang menawarkan diri menjadi sukarelawan sebagai pengajar di situ. Ada yang menderma wang. Ada yang menghulurkan bahan bacaan dan peralatan menulis untuk kegunaan penduduk di situ.



Berdasarkan cerita tersebut, lengkapkan jadual di bawah.

<p>Sebab warga belantara berasa kagum akan sikap manusia</p>	<p>Cara kamu memberikan sokongan terhadap misi pendidikan peringkat negara</p>	<p>Perasaan jika kamu dapat menyertai misi pendidikan peringkat negara</p>
<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>



Sebuah agensi di Malaysia memohon sumbangan daripada orang ramai bagi melengkapkan perpustakaan desa di kawasan pedalaman.

Memohon sumbangan buku-buku baharu dan terpakai bagi melengkapkan perpustakaan desa di kawasan pedalaman

Syarikat Prihatin Sdn. Bhd. mempelawa orang ramai untuk menyumbang buku-buku baharu dan terpakai untuk bacaan kanak-kanak berusia 4 hingga 12 tahun.

Buku-buku dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris amatlah dialu-alukan.

Buku-buku ini akan digunakan bagi melengkapi perpustakaan desa di beberapa kawasan pedalaman di Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Jawatankuasa Pengumpulan Buku Syarikat Prihatin Sdn. Bhd. melalui talian 03-12345678. Buku-buku tersebut boleh dihantar ke ibu pejabat Syarikat Prihatin Sdn. Bhd. yang beralamat di No. 17, Jalan Raja Ampas, Kuala Lumpur.



Kerjasama anda semua amat kami hargai.

ASA H MINDA



1. Apakah yang kamu dan rakan-rakan lakukan untuk membantu dan menjayakan kempen di atas?
2. Ramalkan masalah yang akan kamu dan rakan-rakan hadapi semasa menjayakan kempen kemanusiaan seperti yang di atas.
3. Bagaimanakah kamu dan rakan-rakan mengatasi masalah tersebut?

NOTA GURU



- Bimbing murid melaksanakan aktiviti main peranan untuk memohon sumbangan buku bagi melengkapkan perpustakaan desa.
- Bantu murid memahami kepentingan menunaikan tanggungjawab kemanusiaan bagi membantu golongan yang memerlukan.

3.1.1
3.1.2
3.1.3
3.1.4





Penilaian Formatif



Berdasarkan pengalaman kamu melibatkan diri dalam kempen kemanusiaan yang dijalankan di dalam negara, lengkapkan borang di bawah.

Borang Kempen Kemanusiaan

Kempen Kemanusiaan: _____

Tarikh: _____

Tempat: _____

Aktiviti yang dijalankan semasa kempen:

1. _____

2. _____

3. _____

Tanggungjawab saya untuk menjayakan kempen:

1. _____

2. _____

3. _____

Perasaan saya apabila menyertai kempen kemanusiaan yang dijalankan:

Harapan saya:




Penilaian Sumatif

Pilih jawapan yang sesuai.

1. Apakah tujuan kempen kemanusiaan dijalankan?
 - A. untuk menyumbang kepada golongan miskin sahaja
 - B. untuk menyelesaikan masalah yang berlaku antara negara
 - C. untuk memupuk sikap tanggungjawab rakyat Malaysia bagi membantu golongan yang memerlukan
 - D. untuk mendalami ilmu pengetahuan dan kemahiran serta membasmi kemiskinan
2. Siapakah yang bertanggungjawab untuk menjayakan kempen kemanusiaan?
 - A. kanak-kanak sahaja
 - B. golongan lelaki sahaja
 - C. golongan muda sahaja
 - D. semua peringkat umur
3. Apakah manfaat yang diperoleh apabila kempen kemanusiaan berjaya dilaksanakan?
 - A. meningkatkan tahap ekonomi sesebuah negara
 - B. meringankan beban golongan yang memerlukan
 - C. mengurangkan kadar jenayah dan kegiatan vandalisme
 - D. mengatasi masalah kenaikan harga sesuatu barang atau perkhidmatan
4. Apakah sikap yang perlu kamu amalkan apabila diberi sesuatu tugas dalam kempen kemanusiaan yang kamu sertai?
 - A. menjalankan tugas sambil lewa
 - B. melaksanakan tugas yang diberikan dengan penuh tanggungjawab
 - C. menunjukkan sikap tidak puas hati terhadap agihan tugas yang tidak adil
 - D. mengutamakan kepentingan diri sebelum melaksanakan tugas yang diberikan
5. Bagaimanakah kamu menunjukkan sokongan terhadap kempen kemanusiaan yang dijalankan oleh pelbagai pihak?
 - A. melibatkan diri dalam kempen kemanusiaan
 - B. terlalu sibuk untuk menyertai kempen kemanusiaan
 - C. mencari alasan untuk tidak menghadiri kempen kemanusiaan
 - D. tidak bersedia untuk melaksanakan tugas yang diberikan semasa kempen kemanusiaan
6. Apakah perasaan kamu apabila berjaya melaksanakan tanggungjawab dalam kempen kemanusiaan?
 - A. sedih
 - B. kecewa
 - C. marah
 - D. puas hati

NOTA GURU

- Bersama-sama dengan murid, rumuskan kepentingan menunaikan tanggungjawab apabila terlibat dalam kempen kemanusiaan yang dijalankan pada peringkat negara.



Fahami dan hayati teks syarahan di bawah.

Salam sejahtera,

Terima kasih Pengerusi Majlis, Yang Dihormati Guru Besar Sekolah Kebangsaan Kuala Biru, guru-guru, murid-murid seterusnya hadirin sekalian. Tajuk syarahan saya ialah “Menghargai jasa dan pengorbanan tokoh pahlawan negara”.

Kita amat bersyukur kerana negara mempunyai banyak tokoh pahlawan yang sanggup berjuang untuk mempertahankan negara. Antaranya ialah Datuk Temenggong Kanang anak Langkau.

Hadirin yang dihormati,

Datuk Temenggong Kanang anak Langkau ialah wirawan contoh dan pahlawan negara yang berani. Beliau merupakan Sarjan Mejar Rejimen bagi pasukan Batalion Kesebelas Rejimen Renjer Malaysia. Beliau merupakan anak jati Sarawak dan dilahirkan di Karang Manok Nanga Meluan pada 2 Mac 1945.

Datuk Temenggong Kanang anak Langkau terkenal dengan moto “*agi idup agi ngalaban*” yang bermaksud “berjuang selagi masih hidup”. Jasa beliau dalam mempertahankan kedaulatan negara daripada ancaman komunis amatlah besar. Contohnya, semasa Gerakan Pukat di kawasan Tanah Hitam, Perak, beliau telah berjuang habis-habisan menentang penganas komunis. Walaupun beliau cedera parah, beliau meminta rakan-rakan dalam pasukannya meneruskan perjuangan menentang penganas komunis. Akibat daripada kecederaan tersebut, beliau tidak sedarkan diri dan terlantar di wad hampir setahun.



Hadirin sekalian,

Sebagai mengenang jasa dan keberanian beliau menentang penganas komunis, beliau telah dianugerahi pingat keberanian kedua tertinggi negara, iaitu Panglima Gagah Berani pada tahun 1980. Pada tahun 1981 pula, beliau dianugerahi pingat keberanian tertinggi negara, iaitu Seri Pahlawan Gagah Perkasa oleh Yang di-Pertuan Agong.



Selepas berkhidmat selama 21 tahun dengan Angkatan Tentera Malaysia, akhirnya Datuk Temenggong Kanang anak Langkau bersara daripada perkhidmatan pada 30 Mei 1986. Pada tahun 2010, beliau dilantik sebagai ikon kategori pahlawan bersempena dengan Minggu Saham Amanah Malaysia. Pada tahun 2011, kerajaan negeri Sarawak menganugerahi beliau pingat Darjah Utama Yang Amat Mulia Bintang Kenyalang Sarawak “Panglima Gemilang Bintang Kenyalang” yang membawa gelaran Datuk. Beliau meninggal dunia pada tahun 2013 dan diberi penghormatan negara.

Hadirin sekalian,

Kita sebagai rakyat Malaysia bersyukur kerana negara mempunyai tokoh pahlawan yang sanggup berkorban untuk menyelamatkan maruah dan kedaulatan negara. Bersempena dengan Hari Pahlawan, marilah kita bersama-sama menyertai pelbagai acara yang disediakan untuk menghargai jasa tokoh negara seperti beliau. Contohnya, kita boleh memberikan sumbangan ikhlas kepada tabung pahlawan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Marilah kita menjadikan perjuangan dan pengorbanan tokoh negara sebagai dorongan untuk terus maju dan kekal berdaulat.

Sekian, terima kasih.

ASA MINDA



1. Huraikan jasa dan pengorbanan Datuk Temenggong Kanang anak Langkau kepada negara.
2. Sebagai rakyat Malaysia, bagaimanakah kamu menghargai jasa dan pengorbanan beliau kepada negara?
3. Ceritakan perasaan kamu apabila dapat menghargai jasa dan pengorbanan tokoh negara.

NOTA GURU



- Galakkan murid mencari maklumat lanjut tentang Kanang melalui pelbagai sumber.
- Bimbing murid mencari tokoh lain dalam pelbagai bidang yang telah dihargai oleh negara. Kongsi maklumat yang diperolehi di dalam kelas.

4.1.1
4.1.2
4.1.3





Hargai Tokoh, Iktiraf Jasa



Teliti maklumat dalam brosur di bawah.

Kelab Kebudayaan Warisan Seni yang disertai oleh Elkie dan rakan-rakan mengadakan malam kebudayaan dengan kerjasama Persatuan Seniman Malaysia bagi menghargai jasa dan sumbangan Allahyarham Tan Sri Datuk Amar Dr. P. Ramlee kepada negara. Elkie dan rakan-rakan menghasilkan brosur tentang beliau untuk diberikan kepada tetamu yang hadir.



Tan Sri Datuk Amar Dr. P. Ramlee

Biodata

- dilahirkan pada 22 Mac 1929 di Pulau Pinang
- mendapat pendidikan di Penang Free School dan Japanese Navy School
- seniman yang serba boleh, iaitu seorang penyanyi, pelakon, pengarah filem, pemuzik dan penggubah lagu
- digelar sebagai “Seniman Agung Negara” kerana jasa beliau amat besar dalam industri hiburan di Asia Tenggara
- meninggal dunia pada 29 Mei tahun 1973 semasa berusia 44 tahun

Jasa dan sumbangan

Antaranya:

- menghasilkan lebih 350 buah lagu dan terlibat lebih 60 buah filem
- filem lakonan beliau yang terkenal ialah “Hang Tuah”, “Semerah Padi”, “Laksamana Do Re Mi” dan “Ibu Mertuaku”

Pengiktirafan negara luar

Antaranya:

- menerima Anugerah Pencipta Lagu Terbaik menerusi filem “Hang Tuah” dalam Festival Filem Asia ke-3 di Hong Kong pada tahun 1956
- dinobatkan sebagai Pelakon Lelaki Terbaik Asia menerusi filem “Anakku Sazali” dalam Festival Filem Asia ke-4 di Tokyo pada tahun 1957
- filem “Hang Tuah” terpilih untuk tayangan Festival Filem Antarabangsa Berlin pada tahun 1957

Pengiktirafan negara Malaysia

Antaranya:

- mengubah suai rumahnya di Setapak dan dijadikan “Pustaka Peringatan P. Ramlee” pada tahun 1986
- menganugerahi beliau dengan gelaran “Tan Sri” pada tahun 1990
- mengurniakan beliau dengan gelaran “Datuk Amar” pada tahun 2009
- menayangkan kisah hidup beliau menerusi History Channel Asia pada tahun 2010
- membaiki pulih rumah kelahiran beliau di Pulau Pinang
- menamakan jalan dengan nama beliau

ASAHA MINDA



1. Mengapakah Elkie dan rakan-rakan menghargai jasa Tan Sri Datuk Amar Dr. P. Ramlee?
2. Huraikan usaha pelbagai pihak untuk menghargai jasa dan sumbangan beliau.
3. Andaikan kamu Elkie, ceritakan perasaan kamu apabila turut terlibat dalam menghargai jasa dan sumbangan tokoh tersebut.



NOTA GURU



- Tekankan kepentingan menghargai jasa dan sumbangan tokoh negara.
- Galakkan murid menghasilkan brosur tentang tokoh negara dalam bidang yang lain.
- Pamerkan brosur tersebut di Sudut Pendidikan Moral.




Terima Kasih Tokoh Sukan



Teliti maklumat di bawah.

Dareen dan ahli kelab sukan dari pelbagai negeri menyambut ketibaan tokoh sukan yang baru menjuarai pertandingan sukan pada peringkat dunia. Pelbagai cara ditunjukkan oleh mereka bagi menghargai kejayaan tokoh tersebut. Antaranya seperti yang berikut.



ASAHA MINDA

1. Patutkah Dareen dan ahli kelab sukan menyambut ketibaan tokoh sukan negara? Berikan sebab.
2. Jelaskan cara lain kamu menghargai jasa dan sumbangan tokoh sukan negara.

KBAT

Pada pendapat kamu, mengapakah jasa dan sumbangan tokoh patut dihargai?

NOTA GURU

- Tekankan kepentingan murid mengapresiasi jasa dan sumbangan tokoh negara.





Hargai Tokoh Negara



Mari menjalankan projek.

CARA MENJALANKANNYA

1. Jalankan projek secara berkumpulan.
2. Setiap kumpulan perlu memilih tokoh negara untuk diberi penghargaan.
3. Jalankan projek ini dengan memilih satu daripada kad projek di bawah.
4. Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi amat digalakkan bagi menjalankan projek ini.
5. Bentangkan hasil projek di dalam kelas.

Kad Projek Menghargai Tokoh

 Kad 1

Projek Menghasilkan Puisi Tokoh

1. Pilih seorang tokoh negara dan cari maklumat tentang tokoh tersebut.
2. Hasilkan puisi untuk menghargai jasa dan pengorbanan tokoh yang dipilih.
3. Tulis puisi tersebut secara kreatif.

Tersebutlah kisah seorang putera,
Tunku Abdul Rahman diberi nama,
Dikasihi semua rakyat jelata,
Baik budinya tidak terkira.


Perjuangkan kemerdekaan sepenuh hati,
Sahut cabaran tidak terhenti,
Rela berkorban demi pertiwi,
Asalkan rakyat hidup harmoni.



Kad 2

Projek Menghasilkan Kad Ucapan Penghargaan Tokoh

1. Cari maklumat tentang tokoh negara.
2. Hasilkan kad ucapan kepada tokoh tersebut secara kreatif.
3. Tulis ucapan penghargaan atas jasa dan sumbangan tokoh kepada negara.



Kad 3

Projek Menghasilkan Slaid

1. Cari maklumat tentang jasa dan sumbangan tokoh.
2. Gunakan Microsoft PowerPoint untuk menghasilkan beberapa slaid tentang tokoh tersebut.
3. Persembahkan slaid secara kreatif.

Kad 4

Projek Menghasilkan Album Tokoh

1. Cari gambar dan maklumat tokoh daripada pelbagai sumber.
2. Hasilkan album secara kreatif.
3. Susun atur maklumat tokoh yang diperoleh dalam album yang dihasilkan.



Buat refleksi sendiri. Ceritakan perasaan kamu apabila dapat menghargai tokoh negara melalui pelbagai cara.

NOTA GURU

- Galakkan murid menjalankan projek dengan memilih tokoh daripada pelbagai bidang.
- Pamerkan hasil projek di dalam kelas atau galakkan murid menyerahkan hasil projek kepada tokoh berkenaan.

4.1.1
4.1.2
4.1.3
4.1.4





Terima Kasih Buatmu Tokoh Negara



Fahami situasi di bawah.

Kita mempunyai tokoh dalam pelbagai bidang. Contohnya ialah tokoh seni, pendidikan serta sains dan teknologi. Jasa dan sumbangan tokoh dalam mengharumkan nama negara amatlah besar. Kita patut menghargai mereka dengan cara seperti yang berikut.



1 menziarahi dan mendoakan kesejahteraan tokoh negara



2 memberikan kad ucapan kepada tokoh negara



3 memberikan hadiah kepada tokoh negara yang membawa kemasyhuran kepada negara




4 membantu warga sekolah menyediakan jamuan untuk meraikan tokoh negara

ASA H MINDA



1. Huraikan cara menghargai jasa dan sumbangan tokoh negara.
2. Nyatakan kepentingan kamu menghargai jasa tokoh negara.
3. Ceritakan perasaan kamu apabila dapat menghargai jasa dan sumbangan tokoh negara.



NOTA GURU

- Bimbing murid melakukan pelbagai cara memberikan penghargaan kepada tokoh negara.



Budi Tokoh Tidak Dilupakan



Mari bermain.

Permainan Berterima Kasih

CARA BERMAIN

1. Permainan hendaklah dijalankan dalam kumpulan.
2. Lontar dadu dan bergerak mengikut nombor yang ditunjukkan pada dadu.
3. Jawab soalan berpandukan simbol.
4. Sekiranya betul, bergerak dua petak ke hadapan.
5. Sekiranya salah, undur satu petak.
6. Pengulangan jawapan tidak dibenarkan.

60 TAMAT	59 	58	57	56	55 	54	53	52	51
41	42 	43	44	45 	46	47	48 	49	50
40	39 	38	37	36 	35	34	33 	32	31
21 	22	23	24 	25	26	27 	28	29	30
20	19	18 	17	16	15 	14	13	12 	11
1 MULA	2	3 	4	5	6	7	8 	9	10

KAD SOALAN



Namakan seorang tokoh yang berjasa kepada negara.



Nyatakan jasa seorang tokoh negara yang kamu ketahui.



Nyatakan satu cara kamu menghargai jasa tokoh negara.



Apakah perasaan kamu apabila menghargai jasa tokoh negara?



Berdasarkan permainan, buat rumusan tentang kepentingan menghargai jasa dan sumbangan tokoh negara.

NOTA GURU

- Jalankan permainan dalam keadaan terkawal.
- Kaitkan aktiviti permainan dengan nilai berterima kasih.





Penilaian Formatif



Cari maklumat tentang tokoh negara yang kamu kagumi daripada pelbagai sumber dan lengkapkan borang di bawah.

Borang Harga Jasa dan Sumbangan Tokoh Negara

Tokoh negara yang saya kagumi:

Bidang:

Jasa dan sumbangan tokoh tersebut kepada negara:

1.

2.

3.

Cara negara menghargai jasa dan sumbangan beliau:

Cara saya menghargai jasa dan sumbangan beliau kepada negara:

Perasaan saya apabila dapat menghargai jasa dan sumbangan beliau:





Penilaian Sumatif



Fahami situasi dan jawab soalan di bawah.

Kamu dan rakan-rakan menghadiri majlis pelancaran komik baharu oleh seorang tokoh penulis komik negara. Sebagai tanda penghargaan dan terima kasih kepada beliau, kamu dan rakan-rakan membeli komik dan mendapatkan tandatangan beliau.

1. Terangkan cara lain kamu dan rakan-rakan menghargai tokoh tersebut.

2. Mengapakah kita patut mencontohi dan menjadikan tokoh negara sebagai teladan?



Teliti dan fahami perbualan di bawah.

- Hui Ying** : Malaysia mempunyai banyak tokoh yang tersohor dalam pelbagai bidang. Jasa dan sumbangan mereka perlu kita hargai.
- Robbi** : Memang betul. Saya mencadangkan mana-mana pihak tampil untuk membina muzium bagi menghimpunkan maklumat tentang jasa dan sumbangan tokoh dalam pelbagai bidang.
- Prajesh** : Jasa dan sumbangan tokoh juga boleh dijadikan filem agar generasi seperti kita dapat menghayati jasa dan pengorbanan mereka.

1. Adakah kamu bersetuju dengan pendapat Robbi dan Prajesh? Mengapa?

2. Cadangkan cara lain yang boleh dilakukan oleh pelbagai pihak bagi menghargai jasa dan sumbangan tokoh negara.

3. Jelaskan perasaan kamu apabila jasa dan sumbangan tokoh negara dihargai oleh pelbagai pihak.





BERHEMAH TINGGI BUDAYA KITA



Pravin mengikut ibunya ke Pusat Transformasi Bandar atau Urban Transformation Centre (UTC) bagi menyelesaikan beberapa urusan. Semasa berada di situ, Pravin mengamalkan sikap sopan apabila mendapatkan perkhidmatan. Teliti sikap sopan yang diamalkan oleh Pravin.

Semasa di pejabat pos ...



1 Puan, saya hendak membeli setem 60 sen tetapi puan memberi saya setem 30 sen.

2 Maaf, saya tersilap. Ini setem 60 sen yang kamu minta.

3 Terima kasih, puan.

TEROPONG MAKLUMAT

UTC ialah satu kompleks yang serba lengkap yang disediakan oleh kerajaan bagi menyediakan pelbagai perkhidmatan.

Semasa di kedai buku ...



1 Selamat pagi, encik. Saya hendak mencari buku cerita kanak-kanak. Di manakah saya boleh mendapatkannya?

2 Buku yang kamu cari itu ada di bahagian fiksiyen. Cuba kamu cari di situ.

3 Terima kasih, encik.

4 Sama-sama.



Semasa di bank ...

1 Selamat pagi, encik. Saya hendak membuka akaun simpanan. Apakah yang perlu saya lakukan?

3 Terima kasih, encik.

16
BANK KU BERHAD

BORANG

2 Selamat pagi. Sila isi borang ini. Kemudian, ambil nombor giliran.

Semasa di tandas awam ...

1 Maafkan saya, puan. Bolehkah saya gunakan tandas ini sekarang?

3 Terima kasih, puan.

2 Boleh. Hati-hati. Lantai licin.

ASA H MINDA

1. Bincangkan sikap sopan Pravin semasa mendapatkan pelbagai perkhidmatan di UTC.
2. Terangkan kepentingan kamu bersikap sopan apabila mendapatkan perkhidmatan.
3. Ceritakan perasaan kamu apabila sentiasa bersopan semasa mendapatkan perkhidmatan.
4. Simulasikan pengalaman kamu bersikap sopan semasa berkunjung ke agensi kerajaan atau swasta.

NOTA GURU


- Galakkan murid membuat ramalan keadaan yang akan berlaku sekiranya murid tidak beradab sopan semasa berurusan untuk mendapatkan perkhidmatan.



Rakyat Berhemah, Negara Disanjung



Baca dan fahami kandungan surat berikut.



Saudara Pengarang,

Saya bangga akan sikap hemah tinggi yang diamalkan oleh rakyat Malaysia semasa berurusan di agensi kerajaan mahupun swasta.

Pada minggu yang lalu, saya mengikut bapa ke Jabatan Pendaftaran Negara untuk memperbaharu kad pengenalannya. Walaupun keadaan sesak, saya melihat para pelanggan sabar menunggu giliran untuk mendapatkan perkhidmatan. Apabila berurusan dengan pegawai yang bertugas, mereka memberikan salam dan menggunakan bahasa yang sopan. Pegawai yang bertugas juga sentiasa memberikan senyuman dan layanan yang mesra.

Beberapa bulan yang lalu, saya dan keluarga bercuti ke Sabah dengan menaiki kapal terbang. Sepanjang perjalanan kami, para penumpang amat bersopan

semasa ingin mendapatkan perkhidmatan daripada pramugara dan pramugari yang bertugas. Contohnya, mereka menggunakan ungkapan yang sopan seperti “maafkan saya”, “bolehkah saya” dan “terima kasih”. Sikap mereka dan penumpang lain yang sentiasa beradab sopan dan berbudi pekerti semasa mendapatkan layanan, amatlah saya kagumi.

Mulai sekarang, saya berazam akan mengamalkan sikap berhemah tinggi di mana-mana sahaja saya berada. Saya percaya apabila kita berhemah tinggi, orang lain juga akan memberikan layanan dan perkhidmatan yang terbaik kepada kita. Sikap sebegini akan menaikkan imej negara di mata dunia.

Akhir kata, syabas kepada rakyat Malaysia yang sentiasa berhemah tinggi.

Sew Jun Ming 

ASAH MINDA

1. Nyatakan amalan berhemah tinggi yang ditunjukkan oleh rakyat Malaysia.
2. Huraikan kepentingan bersikap sopan semasa berurusan dengan pelbagai pihak.
3. Apakah perasaan kamu apabila melihat pelbagai pihak bersikap sopan semasa membuat sesuatu urusan?
4. Secara berkumpulan, lakonkan situasi yang terdapat dalam teks.



NOTA GURU

- Minta murid berkongsi pengalaman mereka tentang sikap berhemah tinggi yang diamalkan oleh rakyat Malaysia semasa berkunjung ke agensi kerajaan atau swasta.





Piagam Pelanggan, Jadikan Amalan



Baca dan fahami piagam pelanggan di bawah.

Agensi kerajaan dan swasta lazimnya mempunyai piagam pelanggan yang menekankan amalan berhemah tinggi. Mari kita teliti beberapa contoh piagam pelanggan seperti yang di bawah.

TEROPONG MAKLUMAT



- **Piagam pelanggan** ialah satu komitmen bertulis untuk memberikan perkhidmatan mengikut standard tertentu kepada pelanggan.

PIAGAM PELANGGAN SYARIKAT PELANCONGAN SWASTA

Kami beriltizam untuk melakukan perkara berikut.

- memberikan khidmat dengan mesranya untuk mewujudkan kesan yang mendalam kepada pelanggan
- memberikan khidmat pelanggan yang berkualiti
- melayan pelanggan dengan sopan, mesra dan profesional pada setiap masa

PIAGAM PELANGGAN AGENSI KERAJAAN

Agensi kerajaan sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada setiap pelanggan dengan cara berikut.

- sentiasa memberikan layanan yang sopan dan mesra
- menyediakan perkhidmatan profesional yang berkualiti

Sumber: Diubah suai daripada Piagam Pelanggan, Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

PIAGAM PELANGGAN PERKHIDMATAN KAUNTER

Kami berjanji akan memberikan perkhidmatan yang berkualiti, tepat dan cekap seperti yang berikut.

- melayan pelanggan dengan sopan santun dan penuh mesra
- memenuhi kehendak pelanggan dengan segera dan tepat



Berdasarkan piagam pelanggan di atas, tunjukkan cara bersikap sopan melalui lakonan. Kemudian, lengkapkan jadual berikut.

Situasi	Cara kamu bersikap sopan	Perasaan apabila bersikap sopan	Kepentingan mengamalkan sikap sopan
<ul style="list-style-type: none"> • syarikat pelancongan swasta • _____ 	<ul style="list-style-type: none"> • mengucapkan selamat datang kepada pelanggan • _____ 	<ul style="list-style-type: none"> • _____ • _____ 	<ul style="list-style-type: none"> • _____ • _____

NOTA GURU



- Bimbing murid membuat aktiviti lakonan.
- Minta murid meneliti dan membincangkan kebaikan amalan berhemah tinggi yang terdapat dalam piagam pelanggan sekolah.






PENGAYAAN

Bersopan Semasa Berurusan



Baca dan fahami teks di bawah.



ASAH MINDA



1. Cari contoh bahasa badan lain yang perlu kamu hindari semasa mendapatkan perkhidmatan. Mengapakah kamu perlu menghindari bahasa badan tersebut?
2. Kumpulkan maklumat tentang bahasa badan yang sopan yang perlu kamu amalkan semasa berurusan untuk mendapatkan perkhidmatan. Pamerkan maklumat tersebut secara kreatif di Sudut Pendidikan Moral.



Jalankan aktiviti berdasarkan situasi yang diberikan.

Situasi


Kamu telah pergi ke sebuah kompleks beli-belah untuk mendapatkan alat kelengkapan membuat projek. Semasa membuat bayaran, petugas kaunter tidak memulangkan wang baki yang secukupnya kepada kamu.

CARA MENJALANKANNYA:

1. Aktiviti ini boleh dijalankan dalam tiga kumpulan.
2. Kumpulan pertama dikehendaki menjalankan sketsa dengan mempamerkan perlakuan berhemah berdasarkan situasi yang diberikan.
3. Kumpulan kedua dikehendaki menjalankan sketsa dengan mempamerkan perlakuan tidak berhemah berdasarkan situasi yang sama.
4. Kumpulan ketiga dikehendaki membandingkan dan membezakan perlakuan yang ditunjukkan oleh kumpulan pertama dan kumpulan kedua dengan menggunakan Peta Buih Berganda.



Buat refleksi sendiri. Apakah kebaikannya apabila bersikap sopan berdasarkan situasi tersebut?



5.1.1
5.1.2
5.1.4

NOTA GURU

- Terangkan bahawa bahasa badan ialah cara seseorang menyampaikan perasaan dan sikap menerusi pergerakan badan.
- Bangunkan situasi berdasarkan pengalaman murid untuk aktiviti sketsa.



PENGAYAAN Pesanan Berhemah Tinggi



Baca dan fahami pesanan bestari berikut.

Kecantikan yang abadi bukan terletak pada wajah seseorang tetapi pada keelokan adabnya.

Lebihkan manis dalam senyuman, kurangkan manis dalam minuman.

Kata-kata yang sopan dapat melembutkan hati yang keras.

Yang meninggikan darjat seseorang ialah akal dan adabnya, bukan asal keturunannya.

ASAH MINDA



1. Nyatakan mesej yang ingin disampaikan melalui pesanan bestari di atas.
2. Cari dan kumpulkan pesanan bestari lain yang berkaitan dengan nilai hemah tinggi. Pamerkannya di Sudut Pendidikan Moral secara kreatif.



Amalan 8S merupakan usaha kerajaan untuk memberikan perkhidmatan yang menyenangkan kepada rakyat.
mengamalkan



semasa berurusan dengan pelanggan

Sumber: Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia.



Berdasarkan amalan 8S tersebut, secara berkumpulan, perincikan sekurang-kurangnya empat unsur S seperti yang berikut.

- SALAM**
- menerima pelanggan dengan mesra disusuli dengan ucapan salam
 - membalas salam dengan mesra



Persembahkan hasil tersebut secara kreatif.

NOTA GURU



- Minta murid melayari Internet untuk mencari pesanan bestari yang lain seperti mutiara kata dan kata-kata hikmat.
- Minta murid mencari dan mengumpulkan maklumat tentang amalan 8S melalui pelbagai sumber.





Amalkan Ungkapan Bersopan



Berdasarkan situasi yang diberikan, lengkapkan dialog dengan ungkapan yang bersopan dan lakonkan.

Situasi 1

Kamu mendail 103 untuk mendapatkan nombor telefon tempat yang ingin kamu hubungi.

Terima kasih kerana menghubungi Telekom Malaysia. Bolehkah saya bantu?



Ungkapan bersopan yang boleh digunakan adalah seperti yang berikut.

1. Berikan salam.
2. Gunakan panggilan nama yang sesuai seperti puan, tuan, encik atau cik.
3. Gunakan ungkapan bersopan seperti:
 - bolehkah saya ...
 - terima kasih ...
 - maafkan saya ...
4. Gunakan nada suara yang rendah.

Situasi 2

Kamu ingin mencuba kasut di sebuah kedai.



Situasi 3

Kamu berada di sebuah restoran. Makanan yang kamu pesan lambat tiba.



Buat refleksi tentang kepentingan kamu bersikap sopan berdasarkan situasi di atas.



NOTA GURU

- Bimbing murid melakonkan situasi yang diberikan dengan menggunakan ungkapan yang sopan.



Imej Diri, Gambaran Peribadi



Teliti cara berpakaian watak di bawah semasa berurusan di pejabat kerajaan.

KOMPLEKS JABATAN KERAJAAN



ASAH MINDA

1. Pada pendapat kamu, adakah sesuai mereka berpakaian sebegitu semasa mendapatkan perkhidmatan di pejabat kerajaan? Berikan sebab.
2. Apakah pakaian yang sopan yang patut kamu pakai semasa berurusan di pejabat kerajaan?



Setujukah kamu bahawa cara berpakaian seseorang mencerminkan keperibadiannya? Mengapa?



Secara berkumpulan, hasilkan logo bertemakan hemah tinggi mengikut kreativiti. Persembhkannya di dalam kelas.

Contoh:



TEROPONG MAKLUMAT



Logo ialah singkatan daripada perkataan "logoram". Logo merupakan satu gubahan ringkas yang membawa makna dan mesej tertentu.

NOTA GURU



- Bimbing murid menghasilkan logo bertemakan hemah tinggi.





Penilaian Formatif



Sejauh manakah kamu mengamalkan sikap bersopan apabila mendapatkan perkhidmatan kerajaan dan swasta? Tandakan (✓) pada jawapan pilihan kamu.

Bil.	Pernyataan
Pernahkah kamu:	
1.	memulakan sesuatu urusan dengan ucapan salam? <input type="checkbox"/> pernah <input type="checkbox"/> tidak pernah
2.	menggunakan panggilan nama yang sesuai seperti tuan, puan dan encik semasa mendapatkan perkhidmatan? <input type="checkbox"/> pernah <input type="checkbox"/> tidak pernah
3.	memperkenalkan diri dengan memberitahu nama kamu kepada pegawai yang bertugas? <input type="checkbox"/> pernah <input type="checkbox"/> tidak pernah
4.	menggunakan ungkapan yang bersopan semasa berinteraksi dengan pegawai yang bertugas? <input type="checkbox"/> pernah <input type="checkbox"/> tidak pernah
5.	mengucapkan terima kasih kepada pegawai yang bertugas apabila urusan kamu selesai? <input type="checkbox"/> pernah <input type="checkbox"/> tidak pernah
6.	sabar menunggu giliran untuk mendapatkan perkhidmatan? <input type="checkbox"/> pernah <input type="checkbox"/> tidak pernah
7.	memakai pakaian yang sesuai semasa berurusan untuk mendapatkan perkhidmatan? <input type="checkbox"/> pernah <input type="checkbox"/> tidak pernah
8.	berasa gembira apabila sentiasa mengamalkan sikap sopan semasa mendapatkan perkhidmatan? <input type="checkbox"/> pernah <input type="checkbox"/> tidak pernah

Skor


Jika jumlah jawapan “pernah” antara:

5 hingga 8 : Syabas dan tahniah! Teruskan amalan kesopanan kamu.

0 hingga 4 : Tingkatkan amalan kesopanan kamu.



Saya mengamalkan sikap sopan apabila mendapatkan perkhidmatan kerajaan dan swasta kerana _____






Penilaian Sumatif



Baca pernyataan di bawah dan tandakan (✓) pada pernyataan yang wajar dan (X) pada pernyataan yang tidak wajar.



Bil.	Pernyataan 	Wajar (✓)	Tidak wajar (X)	Jika tidak wajar, perlakuan berhemah yang sepatutnya dilakukan
1.	Saya menggunakan bahasa yang sopan apabila mendapatkan perkhidmatan.			
2.	Saya meninggikan suara semasa bercakap dengan seseorang di pejabatnya.			
3.	Saya menunjukkan kemarahan apabila berurusan dengan pegawai yang bertugas.			
4.	Saya menunjukkan reaksi muka yang manis dan senyum semasa membeli sesuatu barangan.			
5.	Saya menggunakan kata-kata yang kesat apabila tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diterima.			
6.	Saya meminta penjelasan dengan sopan apabila tidak memahami sesuatu perkara.			
7.	Saya berpakaian mencolok mata semasa mendapatkan perkhidmatan di pejabat kerajaan.			
8.	Saya tidak menutup mulut semasa bersin di hadapan pekedai yang masih menunggu bayaran daripada saya.			
9.	Saya menggunakan panggilan yang sesuai semasa berurusan dengan seseorang.			
10.	Saya tidak memandang ke arah lain semasa berurusan dengan penjual di pasar raya.			



NOTA GURU




- Bersama-sama dengan murid, rumuskan kepentingan bersikap sopan apabila mendapatkan perkhidmatan.



UNIT 6

HORMATI NEGARA, RAKYAT SEJAHTERA



Baca dan fahami teks di bawah.

James dan keluarganya membuat lawatan ke konti radio di Pulau Langkawi, Kedah. Semasa berada di sana, James mencuba bakat menjadi juruhebah. Mari kita dengar persembahan James.



Wahai, kawan-kawan! Apa khabar semua? Saya James, juruhebah Cilik Alam Ria Radio Mentari FM. Pada pagi ini, saya akan berbicara tentang cara-cara menghormati negara.

Kawan-kawan, Yang di-Pertuan Agong ialah tonggak pemerintahan tertinggi negara. Kita perlu menghormati Yang di-Pertuan Agong dengan tidak melakukan perbuatan yang boleh mencemarkan nama baik baginda atau negara. Kita juga perlu menumpahkan taat setia kepada baginda dengan mematuhi peraturan dan undang-undang negara.

Selain itu, kita juga perlu menghormati lambang negara seperti Jalur Gemilang, bunga raya, lagu “Negaraku”, Rukun Negara dan Jata Negara. Hal ini demikian kerana lambang tersebut merupakan identiti negara kita.

Kawan-kawan,

Bagaimanakah cara menghormati lambang tersebut? Untuk mengetahui jawapannya, kita tunggu selepas lagu “Terima Kasih Malaysia”.

(Lagu “Terima Kasih Malaysia” dimainkan.)

Hai, kawan-kawan! Adakah kawan-kawan memperoleh jawapan pada pertanyaan saya tadi? Jawapannya adalah apabila lagu “Negaraku” dimainkan, kita mesti berdiri tegak, tangan diluruskan di sisi, mata memandang ke arah Jalur Gemilang dan bersama-sama kita menyanyikan lagu tersebut. Jalur Gemilang pula harus dinaikkan dengan cara yang betul.



Kawan-kawan,

Apakah nama bunga kebangsaan negara kita? Ya, bunga raya. Tepat sekali. Kita berasa bangga apabila bunga raya menjadi bunga kebangsaan negara kita. Lima kelopak bunga raya mewakili lima prinsip Rukun Negara. Kesemua prinsip dalam Rukun Negara perlu kita hormati kerana prinsip tersebut dapat membentuk perpaduan dan keamanan negara.

Kawan-kawan,

Sikap menghormati negara sangat penting. Sikap tersebut dapat memupuk persefahaman dan mengelakkan perpecahan serta persengketaan antara satu sama lain. Marilah kita terus mengamalkan sikap menghormati negara yang kita sayangi ini.

Saya mengakhiri bicara saya dengan lagu “Keranamu Malaysia”.

(Lagu “Keranamu Malaysia” dimainkan.)



ASAH MINDA

1. Apakah mesej yang ingin disampaikan oleh James semasa mencuba bakat menjadi juruhebah radio?
2. Ramalkan kesan jika kamu tidak menghormati negara.
3. Jelaskan perasaan kamu apabila menghormati negara.
4. Simulasikan cara kamu menyanyikan lagu “Negaraku”.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami kepentingan menghormati negara.
- Bimbing murid menjelaskan cara mempraktikkan sikap menghormati negara dalam kehidupan seharian.



Rukun Negara Lambang Perpaduan



Baca dan fahami maklumat di bawah.

Rukun Negara menjadi pedoman kepada seluruh rakyat Malaysia untuk hidup bersatu padu. Prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara digubal demi keharmonian dan kesejahteraan negara.

Rukun Negara	
Prinsip Rukun Negara	Cara Kita Menghormati Rukun Negara
1. Kepercayaan kepada Tuhan	<ul style="list-style-type: none">menerima agama Islam sebagai agama rasmi persekutuanmenghormati agama dan kepercayaan pelbagai kaum
2. Kesetiaan kepada Raja dan Negara	<ul style="list-style-type: none">menghormati Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negaramenumpahkan taat setia kepada raja dan negara
3. Keluhuran Perlembagaan	<ul style="list-style-type: none">mematuhi dan mempertahankan perlembagaan negaramenjadikan perlembagaan sebagai rujukan undang-undang
4. Kedaulatan Undang-undang	<ul style="list-style-type: none">menerima dan mematuhi undang-undang negara
5. Kesopanan dan Kesusilaan	<ul style="list-style-type: none">menjaga pertuturan dan perlakuan demi perpaduan negara

Berdasarkan prinsip Rukun Negara yang dinyatakan, kita sebagai rakyat Malaysia hendaklah menghormati dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

ASAH MINDA



1. Terangkan cara rakyat Malaysia menghormati Rukun Negara.
2. Huraikan kepentingan kamu menghormati prinsip Rukun Negara.
3. Jelaskan perasaan kamu apabila semua rakyat pelbagai kaum mengamalkan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan.
4. Simulasikan cara melafazkan ikrar Rukun Negara.



NOTA GURU

- Bimbing murid melafazkan prinsip Rukun Negara.
- Bersama-sama dengan murid, nyanyikan lagu “Lima Prinsip Rukun Negara”.



Hormati Negara, Kukuhkan Keamanan



Baca dan lakonkan.



1 Raja Nilam pemerintah Negara Lindungan Awan. Baginda menitahkan pembesar negara supaya melaksanakan tugas dengan baiknya. Baginda terlalu mempercayai pembesar negara dan memberikan kuasa kepada mereka untuk mentadbir negara. Malangnya, pembesar menyalahgunakan kuasa tersebut. Akibatnya, rakyat tidak berpuas hati dan negara kacau-bilau.



2 Hampir setiap hari rakyat Negara Lindungan Awan mengadu dan mengadu pelbagai masalah yang menimpa mereka. Keadaan ini menyebabkan Raja Nilam kluatir dan berusaha untuk mengembalikan keamanan negara. Baginda menyiasat keadaan negara dengan bantuan bendahara.




3 Setelah beberapa hari membuat siasatan, baginda mendapati ada dalam kalangan pembesar yang mengabaikan dan tidak menghormati undang-undang negara. Selain itu, ada pembesar yang cuai ketika melaksanakan titah perintah raja.



4 Atas nasihat bendahara, baginda telah mengumpulkan para pembesar yang menyalahgunakan kuasa dan menghukum mereka. Kemudian, baginda menitahkan pembesar agar menumpahkan taat setia kepada raja dan mematuhi perlembagaan yang merupakan asas keamanan negara.



Sejak peristiwa itu, semua pembesar berjanji akan menghormati raja dengan menjalankan segala tugas mengikut peraturan dalam negara. Mereka sedar bahawa peraturan yang digubal adalah untuk memastikan negara aman, stabil dan makmur.



Negara Lindungan Awan kembali aman. Para pembesar mula menghormati peraturan dan undang-undang negara. Rakyat dapat hidup dan menjalankan tugas dengan baik. Raja Nilam gembira dan bangga akan perubahan yang ditunjukkan oleh para pembesar.

ASA H MINDA

1. Jelaskan sikap yang ditunjukkan oleh para pembesar Negara Lindungan Awan pada permulaan cerita.
2. Bagaimanakah Raja Nilam menyelesaikan masalah tersebut?
3. Andaikan kamu sebagai rakyat Negara Lindungan Awan. Terangkan perasaan kamu apabila para pembesar menghormati titah perintah raja.
4. Huraikan kepentingan semua rakyat menghormati peraturan dan undang-undang negara.



NOTA GURU

- Bimbing murid melakonkan cerita di atas.




PENGAYAAN Lambang Negara Dipelihara Sentiasa



Baca dan fahami cerita di bawah.



Wahai, manusia! Jangan kamu sombong dan tidak menghormati lambang negara. Lihatlah keadaan planet kami yang musnah. Banyak nyawa terkorban. Bangunan kemegahan kami musnah. Kemakmuran negara kami tergutut. Keadaan ini disebabkan sikap rakyat negara kami yang tidak menghormati pemimpin, tidak mematuhi undang-undang dan perlembagaan negara.



Oh, mimpi rupanya! Saya tidak mahu negara saya menjadi seperti planet itu. Mulai hari ini saya bertekad untuk menghormati lambang-lambang negara.



Mahukah negara kamu menjadi seperti planet kami?

TEROPONG MAKLUMAT

Perlembagaan ialah undang-undang dasar pemerintahan sesebuah negara.



ASA MINDA

- Huraikan perasaan kamu apabila melihat keadaan yang berlaku di planet tersebut.
- Apakah yang akan berlaku jika rakyat tidak menghormati lambang negara?



Hasilkan akujanji yang menunjukkan kamu berazam untuk menjadi rakyat yang menghormati negara. Lafazkan akujanji tersebut di hadapan kelas.

NOTA GURU

- Bimbing murid menghasilkan akujanji menghormati negara.
- Galakkan murid membuat refleksi tentang perasaan mereka selepas melafazkan akujanji.





Bunga Raya Lambang Kemegahan Negara



Baca dan fahami teks di bawah.

Bunga raya ialah bunga kebangsaan negara kita yang perlu kita hormati. Oleh sebab bunga raya merupakan lambang kemegahan negara, simbol bunga raya telah digunakan secara meluas pada peringkat negara seperti yang berikut.



mata wang Malaysia



setem



hiasan tiang lampu

Kamu boleh menghormati bunga raya sebagai lambang negara dengan cara berikut.



menggunakan simbol
bunga raya sebagai hiasan



menghasilkan pelbagai barangan
dengan menggunakan simbol
bunga raya secara kreatif

ASAH MINDA



1. Berikan contoh barangan lain yang menggunakan simbol bunga raya.
2. Nyatakan kepentingan kamu menghormati bunga kebangsaan kita.
3. Apakah perasaan kamu apabila simbol bunga kebangsaan digunakan secara meluas pada peringkat negara? Berikan sebab.



Sebagai tanda menghormati negara, lukis lambang negara secara kreatif dan inovatif pada kemeja-T secara berkumpulan. Kumpulan kamu juga dikehendaki menulis slogan tentang kepentingan menghormati lambang tersebut.

TEROPONG MAKLUMAT



Slogan ialah kata-kata atau cogan kata yang dijadikan pegangan atau panduan.



Lukis lambang dan slogan pada kemeja-T.



Warnakan lambang dan slogan.



Jemur kemeja-T.



Pamerkan kemeja-T yang telah siap.



Buat refleksi sendiri. Apakah perasaan kamu apabila memakai kemeja-T yang mempunyai lambang negara? Mengapa?

NOTA GURU



- Terangkan maksud lambang bunga raya kepada murid.
- Minta murid mencari dan mengumpulkan gambar tentang barangan buatan Malaysia yang menggunakan simbol bunga raya.
- Minta murid mempamerkannya di Sudut Pendidikan Moral.

6.1.1
6.1.2
6.1.3
6.1.4





Penilaian Formatif



Warnakan simbol  pada pernyataan di bawah berdasarkan tahap nilai diri kamu menghormati negara.



Selalu



Kadangkala



Tidak pernah

Bil.	Pernyataan			
1.	Saya berdiri tegak semasa lagu “Negaraku” dinyanyikan.			
2.	Saya mengibarkan Jalur Gemilang semasa sambutan hari kemerdekaan negara.			
3.	Saya mengangkat tangan pada paras bahu ketika membaca ikrar Rukun Negara.			
4.	Saya memberikan tabik hormat kepada pasukan panji negara semasa perarakan hari kemerdekaan.			
5.	Saya berasa marah apabila Jalur Gemilang dirosakkan.			
6.	Saya mengamalkan prinsip Rukun Negara sebagai tanda menghormati negara.			
7.	Saya bersyukur apabila semua rakyat hidup aman damai di bawah pemerintahan Yang di-Pertuan Agong.			
8.	Saya mematuhi prinsip Rukun Negara dengan mengamalkan pertuturan dan perlakuan yang sopan dalam kehidupan.			
9.	Saya berasa bangga apabila Jalur Gemilang dinaikkan dan lagu “Negaraku” dinyanyikan.			
10.	Saya sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang negara.			

Skor

Sekiranya jumlah bintang  kamu:

6 hingga 10 : Kamu seorang yang mengamalkan nilai hormat akan negara.

0 hingga 5 : Kamu perlu tingkatkan sikap hormat kamu kepada negara.





Penilaian Sumatif



Berdasarkan situasi di bawah, jawab soalan berikut.

- A. Bersempena dengan sambutan bulan kemerdekaan, kamu dan penghuni Pangsapuri Mawar memasang dan mengibarkan Jalur Gemilang di unit pangsapuri masing-masing.
- Huraikan sikap yang kamu dan penghuni pangsapuri tunjukkan bersempena dengan sambutan bulan kemerdekaan.
 - Jelaskan cara lain kamu menghormati Jalur Gemilang.



- B. Semasa perarakan sambutan Hari Malaysia, kelihatan rakyat pelbagai bangsa dan agama mengangkat tangan separas bahu semasa ikrar Rukun Negara dibacakan.
- Nyatakan cara kamu menghormati prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara.
 - Terangkan perasaan kamu apabila melihat rakyat Malaysia menghormati Rukun Negara.



Teliti gambar berikut.



- Adakah kamu bersetuju dengan tindakan penonton yang berada di stadium tersebut? Mengapa?
- Terangkan kepentingan kamu dan rakyat Malaysia menghormati negara.




NOTA GURU



• Bersama-sama dengan murid, rumuskan kepentingan menghormati negara.



SAYANGILAH ALAM, HARGAI KEHIDUPAN



KONSEP



Baca dan fahami catatan Angeline semasa mengikuti lawatan sambil belajar ke taman negara di Sarawak.

TEROPONG MAKLUMAT



Monyet probosis juga dikenali sebagai monyet Belanda.



Taman Negara Bako merupakan taman negara yang tertua di Sarawak. Taman ini merangkumi kawasan hutan, laut, pantai, bukit, air terjun dan paya bakau yang semuanya dilindungi dengan baik. Saya dan rakan-rakan berasa kagum akan keunikan setiap jenis tumbuhan hijau yang ada di situ. Selain itu, kami dapat melihat pelbagai jenis haiwan liar seperti monyet probosis, ratusan spesies burung dan hidupan liar. Kawasan pantai di taman ini juga bersih dan indah.


Selepas melawat ke Taman Negara Bako, kami menuju ke Taman Negara Gunung Gading. Taman negara ini unik kerana mempunyai spesies bunga yang terbesar di dunia, iaitu *Rafflesia*. Bunga ini menjadi tarikan pelancong dari dalam dan luar negara.

Semasa melawat kedua-dua taman tersebut, saya dan rakan-rakan tidak memijak tumbuhan yang ada di situ. Kami mengikut laluan yang disediakan dan tidak memetik atau mematahkan ranting tumbuhan.



Kami juga tidak membaling objek ke arah haiwan kerana boleh mencederakan haiwan tersebut. Kami mematuhi arahan pihak taman yang tidak membenarkan pengunjung memberikan makanan kepada haiwan yang dilindungi.

Saya berasa gembira kerana semua pihak melibatkan diri dalam menjaga, menyayangi dan melindungi alam sekitar. Usaha ini penting kerana flora dan fauna mempunyai nilai ekonomi dan perubatan yang tinggi kepada negara. Hasil hutan seperti rotan, mengkuang, buluh dan nipah penting dalam membangunkan industri perabot dan kraf tangan. Tumbuhan seperti engkabang, buahnya digunakan sebagai bahan asas untuk menghasilkan krim muka, gincu dan losen. Kesemua ini membantu untuk meningkatkan ekonomi negara dan memberikan pendapatan yang lumayan kepada rakyat. Oleh itu, saya bertekad untuk terus menyayangi alam sekitar negara kita.



ASAH MINDA

1. Bagaimanakah Angeline dan rakan-rakan menunjukkan sikap menyayangi alam semasa melawat ke taman negara?
2. Adakah penting menyayangi alam sekitar untuk menjamin kesejahteraan negara? Berikan sebab.
3. Kongsi pengalaman kamu melibatkan diri dalam aktiviti menjaga alam sekitar demi kesejahteraan negara.
4. Ceritakan perasaan kamu apabila menyayangi alam sekitar untuk kesejahteraan negara.



NOTA GURU

- Kumpulkan dan dokumentasikan pengalaman murid melibatkan diri dalam aktiviti menjaga alam sekitar dalam bentuk folio.
- Simpan folio tersebut di pusat sumber untuk dijadikan rujukan.

7.1.1
7.1.2
7.1.3
7.1.4



Sayangilah Kami, Lindungilah Kami



Baca dan lakonkan dialog di bawah.

1 Wahai, kawan-kawan! Semalam, Sang Jati dan Sang Meranti mati ditebang oleh manusia.

2 Sanggup manusia buat begitu kepada kita. Tahukah mereka bahawa kitalah yang membekalkan oksigen untuk membantu mengawal suhu bumi?

3 Patutlah suhu semakin meningkat. Cuaca semakin panas.

4 Wahai, manusia! Tolonglah hentikan penebangan dan pembakaran hutan. Pupusnya kami, susahlah kamu!

ASAH MINDA

1. Apakah perasaan kamu apabila hutan semakin pupus akibat tindakan manusia? Berikan sebab.
2. Apakah yang boleh kamu lakukan untuk menyelamatkan hutan daripada pupus?



Ramalkan kesan terhadap negara 10 tahun akan datang sekiranya hutan semakin pupus.

Kita mesti mematuhi etika alam sekitar supaya tidak berlaku kerosakan. Contohnya, semasa berada di taman bunga, kita tidak boleh memetik daun atau bunga sesuka hati. Kita juga tidak boleh membuang sampah di merata-rata tempat.



Secara berkumpulan, bincangkan dan catatkan beberapa etika alam sekitar yang perlu kamu patuhi.

- Semasa melawat ke taman negara
- Semasa berkhemah di tempat rekreasi
- Semasa berkelah di tepi pantai


TEROPONG MAKLUMAT

- Etika alam sekitar ialah peraturan yang perlu dipatuhi semasa mengunjungi sesuatu tempat.



NOTA GURU

- Minta murid mendapatkan maklumat tentang etika alam sekitar.
- Adakan lawatan sambil belajar ke hutan simpan yang berdekatan.
- Minta murid menyediakan laporan ringkas tentang pemeliharaan dan pemuliharaan hutan simpan yang dilawati oleh mereka.



PENGAYAAN Bertindak Sebelum Terlambat




Tahukah kamu bahawa kamu boleh membantu menyelamatkan alam sekitar daripada musnah? Dengan menyelamatkan alam sekitar, kamu juga boleh menyelamatkan beberapa jenis haiwan yang semakin pupus.


CARA MENJALANKANNYA

Kuiz Selamatkan Alam Sekitar

1. Jalankan aktiviti ini secara berkumpulan.
2. Setiap kumpulan diberi satu set soalan kuiz yang perlu dijawab.
3. Setiap soalan yang betul dapat menyelamatkan seekor haiwan.
4. Kumpulan yang dapat menyelamatkan paling banyak haiwan ialah pemenang.



Haiwan yang akan diselamatkan



4. Apakah perasaan kamu apabila manusia tidak menyayangi alam sekitar?
 - I. sedih
 - II. kesal
 - III. marah

A. I dan II sahaja C. II dan III sahaja
 B. I dan III sahaja D. I, II dan III

5. Siapakah yang bertanggungjawab menjaga dan menyayangi alam sekitar?
 - I. masyarakat
 - II. agensi kerajaan
 - III. agensi bukan kerajaan

A. I dan II sahaja C. II dan III sahaja
 B. I dan III sahaja D. I, II dan III

6. Bagaimanakah kamu menyayangi alam sekitar?
 - I. menanam pokok
 - II. membakar sampah
 - III. mengamalkan kitar semula

A. I dan II sahaja C. II dan III sahaja
 B. I dan III sahaja D. I, II dan III

 Secara berkumpulan, jalankan kajian yang berkaitan dengan isu-isu alam sekitar dengan menggunakan rajah seperti yang berikut.



NOTA GURU

- 7.1.1
- 7.1.2
- 7.1.3
- 7.1.4

- Guru boleh memperbanyak soalan kuiz untuk murid menjalankan aktiviti.
- Minta murid mencari isu alam sekitar yang terkini daripada pelbagai sumber.
- Bimbing murid membuat kajian tentang isu alam sekitar.



PENGAYAAN

Pemanasan Global, Negara Terjejas



Teliti gambar di bawah.

TEROPONG MAKLUMAT

Pemanasan global merupakan fenomena peningkatan suhu atmosfera permukaan bumi secara global.



ASA H MINDA

1. Secara berkumpulan, bincangkan sebab dan akibat pemanasan global dengan menggunakan Peta Pelbagai Alir.
2. Huraikan usaha kamu dan pelbagai pihak bagi mengatasi masalah pemanasan global.



Secara berkumpulan, hasilkan model hutan dalam bandar yang menjadi idaman kumpulan kamu. Bentangkannya di hadapan kelas. Kemudian, buat refleksi sendiri tentang kepentingan kamu menghasilkan model hutan dalam bandar.



NOTA GURU



- Bimbing murid membina Peta Pelbagai Alir.
- Minta murid mengumpulkan maklumat tentang hutan dalam bandar.
- Bimbing murid menghasilkan model hutan dalam bandar.





Selamatkan Alam Kita



Mari bernyanyi.



Berdasarkan lirik boria, lengkapkan rajah berikut.

Boria Sayangi Alam

Salam sejahtera kami mulakan
Salam 1Malaysia kami ucapkan
Boria sayang alam dipersembahkan
Agar semua mendapat teladan

(Korus)

Marilah kita bertimbang rasa
Kepada alam membuat jasa
Alam disayangi rakyat gembira
Pasti negara sejahtera sentiasa

Marilah kita terus berusaha
Semua kawasan bersama dijaga
Marilah amalkan kitar semula
Demi masa depan sejahtera negara

(Ulang korus)

Sayangi alam banyak kebaikan
Tiada pencemaran udara nyaman
Indah suasana tempat pelancongan
Makmurkan negara tambah pendapatan

(Ulang korus)

Berakhir sudah persembahan kami
Semoga alam dapat dilindungi
Celoteh kami hanya mengingati
Negara sejahtera terus dinikmati



Lengkapkan dan lafazkan ikrar di bawah.

Ikrar Alam Sekitar

Sebagai rakyat Malaysia, saya berjanji dan berikrar akan menyayangi dan menjaga alam sekitar dengan:

1. _____
2. _____

Saya berharap agar usaha ini akan menjadikan Malaysia sebuah negara yang sentiasa indah, bersih dan menjadi tarikan pelancong.



NOTA GURU


- Bantu murid menyanyikan lagu mengikut rentak boria.
- Minta murid melafazkan ikrar dengan penuh semangat.



Sayangi Hutan, Negara Sejahtera



Baca dan fahami pantun teka-teki di bawah. Kemudian, cari jawapan berdasarkan gambar tersembunyi yang diberikan.



Nelayan mudik dari pantai,
Laut terbentang cuaca mendung;
Kalau adik orang yang pandai,
Apakah binatang tanduk di hidung?

Pokok betik pokok melaka,
Mari ditebang oleh Pak Anjang;
Kalau adik pandai meneka,
Apakah binatang lehernya panjang?

Timba di perigi mari dipinjam,
Lalu diletak di tepi tangga;
Binatang ini giginya tajam,
Kalau berehat mulut terganggu.

Burung tersasar di pohon siantan,
Hendak terbang di pondok buruk;
Bunganya besar hidup di hutan,
Semasa kembang, baunya busuk.



Berdasarkan pantun teka-teki di atas, lengkapkan jadual berikut.

Contoh spesies flora dan fauna yang semakin pupus di Malaysia	Sebab flora dan fauna semakin pupus	Cara melindungi dan menyayangi flora dan fauna	Perasaan apabila menyayangi alam sekitar
<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>





Penilaian Formatif



Rekodkan penglibatan kamu dan pihak lain dalam usaha menyayangi alam sekitar bagi menjamin kesejahteraan negara.

Borang Sayangi Alam sekitar

Nama: _____

Tahun: _____

Isu alam sekitar yang berlaku:

Kesan isu tersebut kepada negara:

Usaha kerajaan bagi mengatasi isu tersebut:

Usaha masyarakat bagi mengatasi isu tersebut:

Usaha saya bagi menyayangi alam sekitar:

Perasaan saya apabila menyayangi alam sekitar:

Tandatangan: _____ Tarikh: _____



Penilaian Sumatif



Fahami situasi di sebelah dan jawab soalan berikut.



- Adakah budak lelaki tersebut menyayangi alam sekitar? Berikan sebab.

- Ramalkan kesan daripada perbuatan tersebut terhadap masyarakat dan negara.

- Kamu ternampak perbuatan budak lelaki tersebut. Apakah yang perlu dilakukan untuk menunjukkan kamu menyayangi alam sekitar?



Teliti gambar berikut.



Indeks Pencemaran Udara (IPU)

IPU	Status	IPU	Status
0 – 50	baik	201 – 300	sangat tidak sihat
51 – 100	sederhana	+301	berbahaya
101 – 200	tidak sihat		

- Nyatakan punca berlakunya masalah tersebut.

- Berikan kesan masalah tersebut terhadap:
 - masyarakat


 - negara

- Huraikan cara kamu menyayangi alam sekitar untuk mengatasi masalah tersebut.





ADIL-PEMANGKIN KEAMANAN-NEGARA



Baca dan fahami kisah di bawah.

Pada zaman dahulu, di Negara Pantai Putih terdapat seorang raja yang adil dan saksama. Para pembesar taat akan perintah raja. Kehidupan rakyat jelata aman dan sejahtera. Sumber utama pendapatan mereka ialah mencari rezeki di laut.



Pada suatu hari, Negara Pantai Putih diserang oleh ikan todak. Raja berikhtiar untuk menyelesaikan masalah itu. Raja membahagikan rakyat kepada beberapa kumpulan berdasarkan kemahiran dan senjata yang dimiliki oleh mereka. Walaupun mereka cuba mempertahankan diri tetapi serangan ikan todak tidak dapat diatasi. Keadaan ini menyebabkan sumber rezeki negara terjejas. Raja berasa sangat bimbang dan baginda mengeluarkan perintah kepada rakyatnya, “Sesiapa yang dapat menewaskan ikan todak, beta akan memberikan kurniaan yang setimpal.”



Dalam keadaan genting, muncul seorang budak lelaki bernama Janteng yang ingin berjumpa dengan raja. Namun, para pembesar menghalang Janteng memasuki istana. Raja mendapat tahu perkara tersebut lalu menasihati para pembesar agar memberikan layanan yang sama rata kepada rakyat.

Raja menitahkan agar Janteng dibawa masuk menghadap baginda. Janteng telah memberikan cadangan kepada raja supaya membina tembok di sepanjang pantai dengan menggunakan batang pisang.



Bagi membina tembok itu, para pembesar telah mengemukakan cadangan kepada raja, iaitu rakyat ditugaskan untuk mengumpulkan batang pisang dan membuat tembok. Para pembesar pula hanya mengawasi kerja-kerja tersebut. Raja tidak mempersetujui cadangan itu. Raja menitahkan para pembesar agar mengumpulkan dan membina tembok batang pisang bersama-sama. Raja juga menasihati para pembesar agar tidak mementingkan diri. Apabila ikan todak menyerang, maka terlekatlah muncungnya di batang pisang. Akhirnya dapatlah ikan todak dibunuh.



Hasil kebijaksanaan Janteng, raja menganugerahkan pingat kebesaran kepadanya. Raja juga memberikan hadiah kepada semua rakyat termasuk para pembesar yang turut memberikan bantuan untuk menyelesaikan masalah negara. Rakyat bersyukur dan gembira kerana raja bersikap adil semasa mengagihkan tugas dan memberikan kurniaan. Sikap adil raja menyebabkan semua pembesar dan rakyat menyayangi dan taat akan perintah baginda. Raja juga berpuas hati kerana dapat berlaku adil dalam pentadbiran negara. Selepas peristiwa itu, kehidupan mereka kembali aman.



Diubah suai daripada:
Kisah "Singapura Dilanggar Todak".

ASAH MINDA



1. Terangkan tindakan adil yang dilakukan oleh raja Negara Pantai Putih.
2. Bincangkan kepentingan bersikap adil demi kesejahteraan negara.
3. Lakonkan kisah di atas dan buat refleksi tentang watak raja dan para pembesar.

NOTA GURU



- Bimbing murid memahami cerita.
- Bimbing murid melakonkan watak di atas dan mengaitkan cerita tersebut dengan kepentingan bersikap adil.





Bersikap Adil kepada Semua



Baca dan fahami situasi di bawah.

Darnitha dan rakan-rakannya telah dipilih oleh guru penasihat untuk menyertai Perkhemahan Pandu Puteri Tunas Peringkat Kebangsaan. Pelbagai aktiviti dijalankan sepanjang perkhemahan tersebut, termasuklah malam mini kebudayaan.



Setiap negeri dikehendaki membuat persembahan pada hari kedua perkhemahan. Hadiah yang menarik turut disediakan untuk persembahan itu. Darnitha selaku ketua kumpulan bagi negerinya dikehendaki memilih peserta untuk persembahan tersebut. Darnitha memilih peserta daripada kalangan rakannya sahaja. Tindakannya menyebabkan banyak peserta dari daerah lain merungut dan tidak berpuas hati. Hal ini diadakan kepada guru penasihat negeri.

ASAH MINDA



1. Wajarkah tindakan Darnitha? Mengapa?
2. Huraikan kepentingan bersikap adil dalam situasi tersebut.
3. Andaikan kamu sebagai Darnitha. Ceritakan perasaan kamu apabila peserta sekolah lain tidak berpuas hati dengan tindakan kamu.
4. Apakah tindakan yang sepatutnya kamu lakukan untuk bersikap adil?
5. Simulasikan cara kamu bertindak adil dalam situasi tersebut.



NOTA GURU

- Bimbing murid melakukan aktiviti simulasi.





Bertindak Adil, Eratkan Hubungan



Baca dan fahami cerita di bawah.

Semasa menghadiri kem Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) Peringkat Kebangsaan.

1 Kasut sukan pemberian hadiah ibu saya hilang. Selepas membasuh kasut, saya telah menjemurnya di luar bilik tadi. Puas saya mencarinya tetapi tidak jumpa. Mungkin Patricia, peserta dari Kuala Lumpur telah mengambilnya.

2 Shea Yee, tidak baik kamu menuduh tanpa bukti. Tindakan kamu akan menjejaskan hubungan kita dengan peserta dari negeri lain.



3 Tapi saya ada bukti. Dayang, peserta dari Sarawak memberitahu saya bahawa dia ternampak Patricia yang mengambil kasut tersebut.

4 Saya rasa perkara ini perlu disiasat terlebih dahulu. Apakah pandangan kamu, Baheng?

5 Betul, Uma. Kita harus bertindak secara adil. Sebagai ketua kumpulan, saya akan menyiasat hal ini secara teliti.



Selepas siasatan...



ASAH MINDA

1. Bagaimanakah Baheng memperlihatkan sikap adil semasa menyelesaikan masalah Shea Yee?
2. Andaikan kamu ialah Shea Yee. Ceritakan perasaan kamu apabila masalah tersebut dapat disiasat dan diselesaikan secara adil.



Apakah kebaikannya kepada rakyat dan negara apabila sesuatu masalah diselesaikan secara adil?



NOTA GURU

- Minta murid membina Peta Pelbagai Alir untuk melihat sebab dan akibat jika masalah tersebut tidak diselesaikan secara adil.
- Minta murid membentangkan Peta Pelbagai Alir secara kreatif di hadapan kelas.



Bersikap Adil demi Kebaikan Negara



Baca dan fahami situasi di bawah.

Situasi 1

Kamu membantu bapa dan pasukan penyelamat mengagihkan selimut kepada semua mangsa banjir.

Situasi 2

Kakak kamu memohon kerja di sebuah syarikat swasta. Walaupun kakak kamu mempunyai kelayakan, dia tidak berjaya kerana syarikat tersebut mengutamakan pekerja lelaki.

Situasi 3

Sebuah persatuan bola sepak mengadakan sesi pemilihan pemain bagi mencari pelapis pada peringkat kebangsaan. Sesi pemilihan ini dijalankan di semua negeri di Malaysia bagi memilih pemain yang berbakat dan berpotensi.

Situasi 4

Sebuah syarikat sukan tempatan menjadikan tokoh sukan negara luar sebagai duta produk syarikat mereka sedangkan terdapat beberapa ahli sukan negara kita telah berjaya pada peringkat antarabangsa.



Secara berkumpulan, bincangkan setiap situasi di atas dengan menggunakan rajah berikut.

Adakah tindakan tersebut adil?

Berikan sebab.

Kepentingan bersikap adil.



Buat refleksi sendiri. Apakah yang dapat kamu pelajari daripada situasi di atas?

NOTA GURU

- Bincangkan jawapan yang diberikan oleh murid.





Jalankan Tugas Secara Saksama



Baca dan lakonkan situasi di bawah.

Sekolah Kebangsaan Alam Suria dipilih untuk menjadi tuan rumah pertandingan badminton bawah 12 tahun peringkat kebangsaan. Min Loy dan beberapa orang murid telah ditugaskan untuk menjaga kebersihan semasa pertandingan itu berlangsung. Semasa meronda sekitar kawasan sekolah, Min Loy ternampak beberapa orang murid sekolahnya dan beberapa orang murid dari negeri lain membuang sampah di belakang dewan sekolah. Min Loy menegur tindakan mereka walaupun melibatkan murid dari negeri lain. Dia juga meminta mereka membersihkan kawasan tersebut.



ASAH MINDA

1. Adakah Min Loy berlaku adil semasa mengambil tindakan tersebut? Mengapa?
2. Nyatakan kesan sekiranya Min Loy hanya meminta murid dari negeri lain membersihkan kawasan tersebut.
3. Ceritakan perasaan kamu apabila bersikap adil semasa menjalankan tugas pada peringkat kebangsaan.



8.1.1
8.1.2
8.1.3
8.1.4

NOTA GURU

- Bimbing murid melakonkan situasi di atas.





Membuat Keputusan Secara Adil



Baca dan fahami situasi di bawah.

Kamu dan rakan-rakan telah dipilih untuk menyertai Kem Kelab Rukun Negara Sekolah Rendah Peringkat Kebangsaan yang diadakan di Kelantan. Satu pemilihan untuk jawatan ketua kumpulan dan penolong ketua kumpulan telah diadakan di kem tersebut. Tiga peserta kem yang dicalonkan untuk memegang jawatan tersebut adalah seperti yang berikut.

Calon A



Nama : Woo Kim Tong
Negeri : Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur
Jawatan : Pengawas Sekolah
Pencapaian: Pemandu Terbaik
Peringkat Daerah
Kepimpinan: Bertanggungjawab



Calon B



Nama : Pavitra a/p
Chandra Segar
Negeri : Kelantan
Jawatan : Ketua Murid
Pencapaian: Juara Bicara Berirama
Peringkat Zon
Kepimpinan: Jujur dan boleh
dipercayai



Calon C



Nama : Andrew Gideon
Negeri : Sabah
Jawatan : Tokoh Sukan Sekolah
Pencapaian: Juara Pertandingan
Pingpong Peringkat
Kebangsaan
Kepimpinan: Rajin dan boleh
bekerjasama dengan
orang lain



1. Secara berkumpulan, bincangkan:
 - a. peserta yang sesuai dilantik sebagai ketua kumpulan dan penolong ketua kumpulan.
 - b. sebab mereka dipilih untuk jawatan tersebut.
2. Bentangkan hasil perbincangan di dalam kelas.
3. Mengapakah kita perlu bersikap adil semasa membuat pemilihan?



Buat refleksi sendiri. Adakah pemilihan jawatan tersebut dijalankan secara adil? Mengapa?

NOTA GURU

- Berbincang dengan murid tentang kriteria yang perlu diambil kira semasa membuat pemilihan jawatan tersebut.





Penilaian Formatif



Adakah kamu bersikap adil semasa menjalankan tugas?
Sila tandakan (✓) dalam kotak soal selidik di bawah yang berkaitan dengan diri kamu.

A. Maklumat Diri

1. Jantina

lelaki

perempuan

2. Sekolah

bandar

luar bandar

B. Penilaian

1. Kamu menghadiri kem peringkat kebangsaan. Bagaimanakah kamu memilih ketua kumpulan?

secara undian

berdasarkan ciri kepimpinan

cara lain (nyatakan): _____

2. Andaikan kamu dilantik sebagai ketua pasukan. Bagaimanakah kamu membahagikan tugas kepada ahli kumpulan?

secara sama rata

kepada beberapa ahli kumpulan sahaja

cara lain (nyatakan): _____

3. Apakah yang patut kamu lakukan apabila seorang daripada ahli kumpulan kamu dituduh mengambil barang peserta lain?

siasat perkara itu

berdiam diri

cara lain (nyatakan): _____

4. Kamu ditugaskan untuk mengagihkan makanan dan minuman kepada peserta kem. Bagaimanakah kamu mengagihkannya?

kepada semua peserta

kepada peserta negeri kamu sahaja

cara lain (nyatakan): _____

5. Apakah perasaan kamu apabila diberikan layanan yang saksama tanpa mengira kaum semasa menghadiri kem peringkat daerah/negeri/kebangsaan?

gembira sebab: _____

sedih sebab: _____

perasaan lain (nyatakan): _____ sebab: _____



Adakah jawapan kamu menunjukkan kamu bersikap adil?
Berikan sebab.





Penilaian Sumatif



Baca situasi di bawah dan jawab soalan berikut.

- A. Kamu dan rakan dipilih untuk mengikuti Kursus Kepemimpinan Pengawas Sekolah Rendah Peringkat Kebangsaan. Peserta kursus dibahagikan kepada kumpulan A, B, C dan D. Pengerusi kursus meminta kamu dan rakan mengagihkan kumpulan untuk giliran memasak. Jadual di bawah menunjukkan agihan tugas yang kamu dan rakan sediakan.

Hari	Minum Pagi	Makan Tengah Hari	Makan Malam
Pertama	Kumpulan A	Kumpulan B	Kumpulan C
Kedua	Kumpulan A	Kumpulan D	Kumpulan B
Ketiga	Kumpulan C	Kumpulan C	Kumpulan B



1. Adakah agihan tugas yang disediakan itu adil kepada semua kumpulan? Berikan sebab.



2. Ramalkan keadaan yang akan berlaku sekiranya jadual ini dilaksanakan.



3. Bagaimanakah kamu menyediakan jadual tugas yang adil semasa menghadiri program peringkat kebangsaan?

- B. Syarikat Maju Pintar ingin menawarkan biasiswa kepada 100 orang murid tahun 6 yang layak. Syarat permohonan ialah mereka yang cemerlang dalam keputusan akademik dan kokurikulum. Seramai 800 orang murid memohon biasiswa tersebut. Jawatankuasa syarikat bercadang untuk meluluskan permohonan 100 orang murid yang memohon paling awal sahaja untuk diberikan biasiswa tersebut.



1. Adakah kamu bersetuju dengan cadangan jawatankuasa syarikat tersebut? Berikan sebab.



2. Pada pendapat kamu, apakah tindakan adil yang sepatutnya diambil oleh syarikat tersebut?



NOTA GURU



- Bersama-sama dengan murid, rumuskan kepentingan bersikap adil untuk kesejahteraan negara.



BERANI MEMPERTAHANKAN NAMA NEGARA



Baca dan fahami wawancara di bawah.

Sebagai ahli jawatankuasa sidang redaksi majalah sekolah, Sashven telah ditugaskan untuk mewawancara Lim Chee Wei, atlet karate yang telah mengharumkan nama negara. Ikutilah wawancara tersebut.

Sashven : Selamat sejahtera. Tahniah kerana saudara berjaya memenangi pingat emas Sukan Asia di Incheon, Korea Selatan dalam acara karate lelaki baru-baru ini.

Lim Chee Wei : Terima kasih.

Sashven : Apakah perasaan saudara apabila memenangi acara ini?

Lim Chee Wei : Saya sangat gembira kerana dapat mempertahankan nama baik negara dalam acara ini pada peringkat Asia setelah berjaya dalam acara karate di Myanmar.

Sashven : Bagaimanakah saudara dapat meraih kejayaan hingga ke peringkat ini?

Lim Chee Wei : Banyak cabaran yang telah saya tempuhi. Jadual latihan saya sangat padat. Walaupun penat, saya tetap meneruskan latihan. Saya juga perlu memastikan kesihatan saya sentiasa baik. Saya pernah mengalami kecederaan dalam beberapa pertandingan. Namun begitu, perkara itu tidak mematahkan semangat dan azam saya untuk terus berjuang.

Sashven : Saya kagum akan keberanian saudara.

Lim Chee Wei : Sukan ini memerlukan saya menghadapi semua cabaran dengan penuh keyakinan dan berpegang teguh pada semangat Malaysia Boleh.



TEROPONG MAKLUMAT

Sukan Asia diadakan setiap empat tahun sekali dalam kalangan atlet dari seluruh benua Asia. Acara sukan ini dikawal oleh Majlis Olimpik Asia di bawah pengawasan Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa.





Sashven : Apakah rancangan saudara seterusnya?

Lim Chee Wei : Saya ingin meneruskan cabaran untuk mengharumkan nama Malaysia di Sukan Olimpik yang akan datang. Saya berharap agar rakyat Malaysia mendoakan impian saya menjadi kenyataan.



Sashven : Apakah kata-kata nasihat saudara kepada mereka di luar sana yang ingin berjaya seperti saudara?

Lim Chee Wei : Kita mesti berani menyahut cabaran demi negara. Walaupun menghadapi rintangan, kita perlu tabah, yakin dan percaya bahawa kita boleh berjaya. Kalau bukan kita yang mengharumkan nama negara, siapa lagi?



Sashven : Wah, begitu bersemangat kata-kata nasihat yang diberikan oleh saudara! Terima kasih dan selamat maju jaya.

Lim Chee Wei : Sama-sama.



ASAH MINDA

1. Nyatakan cara Lim Chee Wei mempertahankan nama baik negara.
2. Terangkan kepentingan rakyat mempertahankan nama baik negara.
3. Ceritakan perasaan kamu apabila mampu mempertahankan nama baik negara.
4. Cari dan kumpulkan maklumat tentang rakyat Malaysia yang bersikap berani mempertahankan nama negara. Bentangkan maklumat tersebut dengan menggunakan Microsoft PowerPoint.

NOTA GURU

- Minta murid menghasilkan kata-kata semangat tentang sikap berani mempertahankan nama negara secara kreatif.
- Gantung kata-kata semangat tersebut di dalam kelas.

9.1.1
9.1.2
9.1.3
9.1.4



Sahut Cabaran demi Negara



Baca dan fahami teks di bawah.



Sebagai rakyat Malaysia, kita berasa bangga dan kagum akan sikap rakyat Malaysia yang berani mengukir nama negara di persada dunia. Antaranya termasuklah Profesor Datuk Dr. Jimmy Choo Yeang Keat, pereka kasut yang terkenal. Mari kita ikuti pengalaman beliau menghadapi cabaran dan dugaan sebelum mencipta kejayaan gemilang.

Segala-galanya bermula apabila beliau melanjutkan pelajaran di London dalam bidang pembuatan kasut dan fesyen. Bagi menampung pengajian dan kehidupan di sana, beliau menjadi pekerja sambilan sebagai pencuci di restoran dan di kilang kasut.

Selepas tamat pengajian, beliau bekerja sebagai penolong pereka fesyen di Hazkney, London. Selepas dua tahun menimba pengalaman, beliau telah membuka kedainya sendiri. Malangnya kasut rekaan beliau tidak mendapat sambutan. Namun, beliau tetap tabah menghadapi situasi tersebut selama empat tahun.

Walaupun mengalami kesukaran untuk menjual kasut di kota London yang sangat mencabar, beliau tetap berusaha dengan bersungguh-sungguh. Usaha beliau akhirnya berjaya. Rekaan kasut beliau disiarkan dalam majalah fesyen terkenal di United Kingdom. Banyak tokoh terkenal memakai dan menempah kasut beliau. Kasut beliau juga pernah digayakan oleh beberapa pelakon terkenal di luar negara.

Banyak cabaran dan dugaan yang terpaksa diharungi oleh beliau sebelum mencipta kejayaan gemilang dalam bidang rekaan kasut. Namun, berkat kesungguhan dalam mengharungi pelbagai rintangan untuk mengejar cita-cita beliau, jenama Jimmy Choo terus gah sehingga sekarang.



ASAH MINDA



1. Huraikan sikap berani yang ada pada Profesor Datuk Dr. Jimmy Choo Yeang Keat sehingga mengharumkan nama negara.
2. Bagaimanakah kamu mengharumkan nama negara?

KBAT

Ramalkan keadaan yang akan berlaku sekiranya rakyat Malaysia tidak sanggup menghadapi cabaran dalam bidang yang diceburi.






Hasilkan buku skrap tentang beberapa individu yang berjaya mengharumkan nama negara dalam pelbagai bidang seperti perniagaan, sukan, masakan, seni dan kebudayaan.

Buku skrap yang disediakan hendaklah mengandungi perkara berikut.

1. Maklumat tentang cara mereka menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah sehingga berjaya mencipta nama di persada dunia.
2. Gambar yang diperolehi daripada keratan akhbar, majalah atau Internet tentang kejayaan mereka mengharumkan nama negara.
3. Sebab kamu memilih mereka sebagai idola kamu.
4. Sikap keberanian mereka yang boleh kamu contohi.
5. Sebab kamu mencontohi sikap keberanian mereka.

Contoh:



Ceritakan maklumat yang kamu kumpulkan dalam buku skrap di hadapan kelas.

NOTA GURU



- Buku skrap boleh dihasilkan secara manual atau digital.
- Layari laman web www.srapbook.com untuk mengetahui cara menyediakan buku skrap.
- Bimbing murid menghasilkan buku skrap dan mempamerkannya di dalam kelas.





PENGAYAAN Nama Negara, Kita Pelihara



Baca dan fahami e-mel berikut.

Kepada: kurniatykamalia@hotmail.com

Perkara: Malaysiaku Aman

Sahabatku Kurniaty,

Terima kasih kerana menghantar e-mel kepada saya. Saya di sini sihat sejahtera dan diharapkan Kurniaty begitu juga.

Gambaran yang Kurniaty peroleh tentang Malaysia kurang tepat. Kami di sini hidup aman damai dan penduduknya saling menghormati dan bekerjasama.

Cuba Kurniaty fikir, sekiranya Malaysia tidak aman, mengapakah bilangan pelancong yang berkunjung ke Malaysia semakin meningkat? Lihatlah statistik kehadiran pelancong asing ke Malaysia yang saya sertakan di sini.

JUMLAH PELANCONG ASING KE MALAYSIA (JANUARI HINGGA JULAI 2014)

Bil.	Negara	2013	2014	Peningkatan % (Januari-Julai 2014)
1.	Australia	293 569	347 355	18.3
2.	Korea Selatan	164 486	224 345	36.4
3.	Vietnam	136 636	175 803	28.7
4.	Itali	23 764	28 777	21.1
5.	Turki	6 516	10 443	60.3

Sumber: Tourism Malaysia dengan kerjasama Jabatan Imigresen.

Saya juga sertakan gambar tempat-tempat menarik di Malaysia. Datanglah dan lihatlah keamanan yang kami kecapai sehingga kini.

Sekian dahulu. Saya teruja untuk menunggu kunjungan Kurniaty sekeluarga ke Malaysia.

Malysiaku aman sejahtera!

Terima kasih.

Sahabatmu,
Vanessa



ASA H MINDA



1. Patutkah Vanessa mempertahankan nama baik Malaysia? Mengapa?
2. Apakah perasaan kamu apabila membaca kandungan e-mel Vanessa? Mengapa?



Lakonkan cara kamu mempertahankan nama negara berdasarkan situasi di bawah.

Situasi

Kamu mengikut keluarga melancong ke negara lain. Kamu mengunjungi sebuah kedai yang menjual cenderamata pelbagai negara termasuklah Malaysia. Semasa berada di situ, kamu ternampak Jalur Gemilang terjatuh di atas lantai.



Berdasarkan aktiviti lakonan di atas, lengkapkan rajah berikut.



NOTA GURU

- Bimbing murid melakonkan situasi yang diberikan.





Sedia Berjuang untuk Negara

Amanda, Wang Chen dan Kareena telah dipilih untuk mewakili negara ke Kejohanan Catur Dunia bawah 12 tahun di Perancis pada bulan depan.



Baca dan fahami perbualan di bawah.

1 Gembiranya saya kerana kita dapat mewakili negara ke Perancis pada bulan depan.

3 Ya, kita perlu berjuang habis-habisan demi negara tercinta.

2 Saya juga teruja. Kita mesti berlatih bersungguh-sungguh. Walaupun pesaing kita hebat-hebat belaka, kita mesti berani bersaing dengan mereka. Kita akan pastikan pingat emas dalam genggamannya.

ASAH MINDA



1. Bagaimanakah Amanda dan rakan-rakannya mempertahankan nama baik negara?
2. Mengapakah mereka bersemangat untuk memenangi pingat emas untuk negara?
3. Apakah perasaan kamu apabila nama baik negara dapat dipertahankan?



NOTA GURU



- Berbincang dengan murid tentang cara lain untuk menjaga dan mempertahankan nama baik negara.





PEMULIHAN

Tingkatkan Imej Negara



Mari bermain.

Permainan Berani Bertindak

CARA BERMAIN

1. Permainan dijalankan secara berkumpulan.
2. Setiap kumpulan diberi satu set soalan dan kad misteri.
3. Setiap nombor yang terdapat pada kad misteri mewakili satu huruf yang tertera pada papan misteri.
4. Setiap kumpulan perlu mencari perkataan pada kad misteri berdasarkan papan misteri yang diberikan.
5. Kemudian, setiap kumpulan perlu mencari jawapan untuk set soalan yang disediakan.
6. Kumpulan yang pantas mendapat jawapan yang betul ialah pemenang.

Set Soalan

1. Apabila kamu dipilih untuk mewakili negara, kamu perlulah sanggup menghadapi _____ dengan yakin.
2. Kita perlulah _____ untuk mempertahankan nama baik negara.
3. Janganlah kita melakukan _____ yang boleh menjejaskan nama baik negara.
4. Saya berasa _____ apabila maruah negara dapat dipertahankan.
5. Pertahankanlah _____ negara walau di mana kita berada.
6. Hadapilah rintangan dengan _____ demi negara.

Kad Misteri

	1	4	9	12			
11	5	3	5	23	1		
	20	1	2	1	8		
7	5	13	2	9	18	1	
19	5	13	1	14	7	1	20

16	5	18	2	21	1	20	1	14
2	5	18	1	14	9			
	16	18	15	7	18	1	13	
3	1	2	1	18	1	14		
13	1	18	21	1	8			

Papan Misteri

1 a	2 b	3 c	4 d	5 e	6 f	7 g	8 h	9 i	10 j	11 k	12 l	13 m
14 n	15 o	16 p	17 q	18 r	19 s	20 t	21 u	22 v	23 w	24 x	25 y	26 z

NOTA GURU

- Guru perlu menyediakan kad misteri dan papan misteri untuk murid menjalankan aktiviti permainan.
- Bimbing murid menjalankan permainan.





Penilaian Formatif



Lengkapkan borang berikut berdasarkan pemerhatian tentang sikap berani kamu dan rakan demi mempertahankan nama baik negara. Tandakan (✓) jika kamu atau rakan menunjukkan sikap tersebut.



Nama saya:

Nama rakan:

Bil.	Pernyataan	Saya	Rakan
1.	bersemangat dan berani untuk mewakili negara dalam bidang yang diceburi		
2.	sanggup membuat persiapan rapi secara berterusan sebelum mewakili negara		
3.	tidak berputus asa apabila menghadapi pelbagai cabaran		
4.	berasa terkilan apabila negara lain menyatakan perkara yang tidak baik terhadap Malaysia		
5.	sanggup mengemukakan maklumat yang betul tentang Malaysia		
6.	yakin boleh menyahut cabaran untuk menaikkan nama negara di persada dunia		
7.	sanggup mengorbankan masa dan tenaga demi negara		
8.	berbangga apabila Malaysia berjaya dalam pelbagai bidang		
9.	sanggup berjuang untuk mempertahankan nama Malaysia		
10.	tidak melakukan perbuatan yang akan menjejaskan imej negara		

Skor

Semak skor kamu/rakan kamu.

6 hingga 10 : Syabas! Teruskan perjuangan kamu.

0 hingga 5 : Tingkatkan perjuangan kamu.

Saya/rakan saya akan terus mengamalkan sikap berani mempertahankan nama baik negara dengan cara:



Penilaian Sumatif



Maklumat berikut ialah pandangan pelancong asing tentang tempat-tempat pelancongan di Malaysia.

B LAMAN BLOG DESTINASIKU

Saya suka datang ke Malaysia tetapi sayangnya pantai yang saya kunjungi kurang bersih.

Komen



1. Apakah perasaan kamu apabila membaca pandangan pelancong asing tersebut? Berikan sebab.

2. Sanggupkah kamu memberikan penjelasan tentang pandangan pelancong tersebut? Mengapa?

3. Apakah kesan yang akan dihadapi jika rakyat tidak berani mempertahankan nama baik negara?



Teliti gambar di sebelah.

1. Nyatakan ciri-ciri keberanian yang ditunjukkan oleh Datuk M. Magendran, Datuk N. Mohanadas dan Aaliyah Yoong.

2. Huraikan kepentingan mempertahankan nama baik negara dalam pelbagai bidang.

3. Bagaimanakah kamu menunjukkan sikap berani mempertahankan nama baik negara?



Datuk M. Magendran dan Datuk N. Mohanadas



Aaliyah Yoong

NOTA GURU



- Bersama-sama dengan murid, rumuskan kepentingan mempertahankan nama baik negara.



RAKYAT JUJUR, NEGARA MAKMUR



ANGKARA RASUAH!

- RASUAH MEMBAWA PADAH**
Seorang warga asing di 'talk' 'adesh'
- DI MANAKAH NILAI KEJUJURAN?**
Pemberian rasuah antara RM5,000 hingga RM50,000 kepada 'ntis negara'
- HENTIKAN RASUAH!**
Penduduk dakwa amalan rasuah sudah



Baca dan fahami maklumat di bawah.

Bercakap benar, bersikap amanah dan melaksanakan tugas dengan ikhlas tanpa mengharapkan balasan merupakan ciri-ciri yang ada pada seseorang yang jujur. Namun, masih terdapat segelintir masyarakat yang tidak mengamalkan nilai ini. Lihat sahaja paparan berita pada keratan akhbar di sebelah.

Tahukah kamu, amalan rasuah berpunca daripada sikap tidak jujur dan amanah seseorang ketika melaksanakan tugas yang diberikan? Keadaan ini berlaku disebabkan oleh sikap mementingkan diri dan ingin akan kemewahan sehingga lupa tanggungjawab yang dipikul. Peta minda di bawah menunjukkan kesan gejala rasuah kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara.



Rakyat yang jujur tidak akan terlibat dalam rasuah. Mereka akan memerangi dan membanteras rasuah secara habis-habisan. Apabila rakyat bersikap jujur, pihak luar lebih yakin dan percaya akan kemampuan Malaysia. Lebih banyak pelabur asing akan melabur di Malaysia. Dengan memiliki sikap jujur dan amanah, rakyat Malaysia mampu membanteras gejala rasuah melalui cara berikut.



ASA H MINDA

1. Kemukakan contoh sikap jujur yang diamalkan oleh rakyat Malaysia.
2. Mengapakah pentingnya rakyat bersikap jujur semasa melaksanakan tugas?
3. Ceritakan pengalaman dan perasaan kamu apabila berurusan dengan orang yang bersikap jujur.

NOTA GURU

- Galakkan murid mencari maklumat tentang rasuah dengan melayari laman web <http://www.sprm.gov.my>.
- Berbincang dengan murid tentang ciri kejujuran lain yang perlu diamalkan oleh rakyat Malaysia.





Kejujuran Membawa Manfaat



Baca dan fahami cerita di bawah.

Terdapat tiga orang pengembara yang tersesat di dalam hutan. Mereka terlalu letih dan berlingung di dalam sebuah gua.

Semasa berada di dalam gua, tiba-tiba, pintu gua tertutup lalu terdengar suara yang kuat. “Wahai manusia, kamu tidak boleh keluar dari gua ini, kecuali setiap daripada kamu menceritakan sikap jujur yang pernah kamu lakukan. Ha ... ha ... ha!”

Ketiga-tiga pengembara tersebut ketakutan. Oleh sebab ingin keluar dari gua, mereka memberanikan diri untuk menceritakan sikap jujur mereka.


Pengembara pertama lalu bercerita, “Saya bekerja di ladang. Setiap hari saya memerah susu lembu dan menjualnya kepada pelanggan. Pada suatu hari, majikan meminta saya mencampurkan air ke dalam susu supaya dapat dijual dengan banyak kepada pelanggan. Namun, saya tidak menipu pelanggan dan tetap menjual susu lembu tanpa mencampurkannya dengan air.”

Suara itu kedengaran lagi, “Kamu seorang yang jujur. Keluarlah kamu dari gua ini.”

Tiba-tiba, cahaya memancar dan pintu gua terbuka. Cahaya tersebut menarik pengembara pertama keluar dari gua.

Apabila melihat keadaan itu, pengembara kedua pula bercerita, “Saya seorang saudagar beras. Beberapa bulan yang lalu, saya telah

menderma wang untuk membina jambatan baharu di kampung.



Penduduk kampung berbesar hati dan ingin menamakan jambatan itu dengan nama saya. Saya tidak bersetuju kerana bantuan saya ikhlas.”

“Kamu seorang yang jujur. Keluarlah kamu dari gua ini,” laung suara itu.

Akhirnya tibalah giliran pengembara yang ketiga. Dengan suara terketar-ketar, dia pun bercerita, “Saya seorang tukang kayu yang masyhur. Saya diberi sejumlah wang untuk membina beberapa buah pondok rehat. Saya telah menggunakan semua wang tersebut untuk membeli bahan dan kayu yang bermutu.”

“Hei, manusia, kamu pembohong! Kamu tidak bercakap benar. Sebenarnya, kamu telah membina pondok tersebut dengan kayu dan bahan yang tidak berkualiti. Beberapa minggu selepas itu, pondok yang kamu banggakan itu telah roboh.”

Pengembara ketiga ketakutan apabila mendengar penjelasan suara tersebut. Dia tidak menyangka bahawa sikap tidak jujurnya terbongkar jua.

“Hei, manusia, kekallah kamu di dalam gua ini! Diharapkan semoga pembalasan ini menjadi pengajaran kepada kamu. Insafilah wahai manusia!” laung suara itu.

*Diubah suai daripada:
“Kisah Teladan Hikayat 1001 Malam”.*

ASAH MINDA

1. Ceritakan sikap jujur yang ada pada pengembara pertama dan kedua.
2. Adakah kamu bersetuju dengan tindakan pengembara ketiga? Mengapa?
3. Terangkan perasaan kamu apabila rakyat bersikap jujur.

KBAT

Andaikan cerita tersebut berlaku pada zaman sekarang. Apakah kebaikannya kepada negara jika rakyat bersikap jujur seperti pengembara pertama dan kedua?

NOTA GURU

- Bimbing murid simulasikan cerita tersebut.
- Galakkan murid berkongsi kisah lain tentang amalan kejujuran.



Kejujuran Asas Penting Perniagaan



Baca dan fahami teks di bawah.

Yuvaraja, Jeslyn dan Darshan Singh telah ditugaskan oleh guru untuk mencari maklumat tentang ciri-ciri etika perniagaan yang baik. Maklumat yang telah dikumpulkan oleh mereka seperti yang berikut.

Etika Perniagaan



ASAH MINDA

1. Huraikan sikap jujur yang perlu diamalkan oleh peniaga.
2. Kongsikan pengalaman dan perasaan kamu ketika berurusan dengan peniaga yang tidak jujur.
3. Lakonkan cara kamu bersikap jujur semasa menjual sesuatu barangan.

KBAT

Ramalkan kesan terhadap negara jika semua peniaga bersikap jujur.



NOTA GURU

10.1.1
10.1.2
10.1.3
10.1.4

- Libatkan diri dalam aktiviti hari keusahawanan peringkat sekolah.
- Sedarkan murid tentang kepentingan bersikap jujur semasa urusan jual beli bersempena dengan minggu keusahawanan.



PENGAYAAN

Bersikap Jujur Setiap Masa



Mari bermain.

Permainan Belon Kejujuran

CARA BERMAIN

1. Belon akan dilepaskan ke udara. Bilangan belon yang dilepaskan kurang daripada bilangan murid.
2. Apabila wisel dibunyikan, setiap murid dikehendaki menangkap sebiji belon.
3. Murid yang tidak berjaya menangkap belon akan diberi satu kad situasi untuk diselesaikan.
4. Permainan ini diulangi sehingga semua kad situasi diselesaikan oleh murid.

Kad Situasi 1

Semasa menyertai kem bina insan, kamu terambil beg seorang peserta. Patutkah kamu memulangkan beg tersebut kepada pemiliknya? Berikan sebab.

Kad Situasi 2

Semasa pertandingan tae kwan do peringkat kebangsaan berlangsung, kamu mengetahui rakan sepasukan negeri kamu keluar dari kem tanpa kebenaran. Sanggupkah kamu melaporkannya kepada pegawai kem tersebut? Mengapa?

Kad Situasi 3

Kamu bertugas di pintu masuk stadium bola sepak. Ketika itu berlangsungnya pertandingan bola sepak junior antara negeri. Tiket sudah habis. Seseorang memberikan kamu sejumlah wang untuk membenarkannya masuk ke stadium. Adakah kamu akan membenarkannya masuk? Berikan sebab.

Kad Situasi 4

Ketika pertandingan reka cipta peringkat kebangsaan berlangsung, kamu dan rakan-rakan dengan tidak sengaja memecahkan reka cipta pasukan negeri lain. Apakah yang sepatutnya kamu dan rakan-rakan lakukan? Jelaskan.



Buat refleksi sendiri. Apakah perasaan kamu apabila bersikap jujur dalam situasi seperti yang di atas?

NOTA GURU

- Permainan ini boleh dijalankan secara individu atau berkumpulan.
- Minta murid melakonkan tindakan jujur berdasarkan kad situasi di atas.





Pekerja Jujur, Nadi Negara

Pada suatu hari nanti, kamu bakal menjadi seorang pekerja yang memberikan sumbangan kepada negara. Teliti beberapa contoh sikap jujur yang boleh kamu teladani dan sikap yang tidak patut kamu amalkan semasa bekerja.

Sikap jujur yang boleh kamu teladani



1 membuat tuntutan yang betul selepas membeli sesuatu barang



2 menggunakan kemudahan di tempat kerja untuk urusan kerja sahaja



3 menolak rasuah dalam sebarang bentuk

Sikap yang tidak patut kamu amalkan



1 menggunakan waktu bekerja untuk urusan peribadi



2 menggunakan tempat kerja untuk urusan perniagaan



3 membeli sijil cuti sakit

ASAH MINDA

1. Apakah yang sepatutnya dilakukan oleh pekerja yang jujur?
2. Nyatakan kepentingan pekerja bersikap jujur semasa bekerja.
3. Apakah perasaan kamu apabila bersikap jujur semasa melaksanakan sesuatu tugas?







NOTA GURU

- Bantu murid memahami teks bergambar.
- Minta murid main peranan memberikan nasihat kepada pekerja yang tidak jujur semasa bekerja.



Bertindak Jujur, Hidup Diberkati

Berdasarkan jadual di bawah, bantu Jasper, Sharmila dan Tan Wee Tee melengkapkan cita-cita mereka dengan memperincikan cara dan kebaikan bersikap jujur.

	Lulong	Jasper	Sharmila	Tan Wee Tee
Cita-cita	 peguam	 polis	 jururawat	 pegawai bank
Cara bersikap jujur	memberikan hujah yang benar	_____	_____	_____
Kebaikan bersikap jujur	pesalah menerima hukuman	_____	_____	_____



Jika kamu seorang daripada mereka, apakah perasaan kamu apabila bersikap jujur? Lengkapi peta minda di bawah.



NOTA GURU

- Bantu murid melengkapkan jadual.





Penilaian Formatif



Tandakan kepentingan pernyataan berikut kepada kamu dengan menggunakan skala 1 hingga 4.

1
Sangat penting

2
Penting

3
Kurang penting

4
Tidak penting



Bil.	Pernyataan	Skala
1.	Saya membuat bayaran yang tepat semasa membeli barang.	1 2 3 4
2.	Saya menceritakan perkara yang sebenar apabila melihat sesuatu kejadian berlaku.	1 2 3 4
3.	Saya tidak melakukan penyelewengan semasa menjalankan tugas yang diberikan.	1 2 3 4
4.	Saya memulangkan barangan yang dijumpai kepada pemiliknya.	1 2 3 4
5.	Saya menyampaikan sesuatu pesanan dengan amanah.	1 2 3 4
6.	Saya tidak menerima rasuah semasa bertugas.	1 2 3 4
7.	Saya membantu orang lain tanpa mengharapkan balasan.	1 2 3 4
8.	Saya menjalankan sesuatu tugas dengan ikhlas.	1 2 3 4
9.	Saya sanggup mengaku salah dan membetulkan kesilapan diri.	1 2 3 4
10.	Saya tidak menggunakan masa bertugas untuk urusan peribadi.	1 2 3 4



Nyatakan sebab kamu meletakkan skala yang dipilih bagi setiap pernyataan di atas.





Penilaian Sumatif



Berdasarkan situasi, jawab soalan yang diberikan.



Kamu dan rakan-rakan ingin mengambil bahagian dalam Pertandingan Menulis Cerpen Peringkat Kebangsaan. Kamu meminta abang kamu menulis cerpen tersebut.

1. Wajarkah tindakan kamu itu? Mengapa?

2. Apakah tindakan jujur yang sepatutnya kamu lakukan?

3. Ramalkan kesan jika penganjur pertandingan tersebut mengetahui perkara yang sebenar.



Teliti tajuk akhbar di bawah.

AKHBAR HARIAN

DALAM NEGARA

LUAR NEGARA

BERITA UTAMA

DUA ANGGOTA POLIS JUJUR TERIMA ANUGERAH

Alor Setar, Kedah 14 Julai – Tindakan jujur dua anggota polis menolak sogokan wang daripada seorang peniaga menyebabkan mereka menerima anugerah daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia di sini hari ini. Kedua-dua anggota

polis tersebut menerima sijil penghargaan dan wang tunai RM1000 dalam majlis yang diadakan untuk menghargai kejujuran mereka. “Mana-mana anggota polis yang menolak rasuah dianggap sebagai hero kepada masyarakat.”

1. Apakah perasaan kamu apabila membaca tajuk akhbar tersebut? Mengapa?

2. Terangkan kebaikannya apabila rakyat bersikap jujur semasa menjalankan tugas.

3. Jelaskan usaha yang diambil oleh pelbagai pihak untuk membanteras gejala rasuah.


NOTA GURU



- Bersama-sama dengan murid, rumuskan kepentingan mengamalkan kejujuran demi keharmonian negara.



BERSIKAP RAJIN, NEGARA MAJU



Baca dan fahami teks di bawah.

Tahukah kamu, siapakah Encik Lee Thiam Wah? Beliau usahawan yang berjaya membuka lebih daripada 200 kedai rangkaian pasar raya mini yang terkenal di negara ini.

Encik Lee Thiam Wah merupakan orang kurang upaya yang berjaya. Beliau dilahirkan dalam sebuah keluarga besar yang miskin. Bapanya seorang buruh binaan dan ibunya seorang penjaja. Kedua-dua ibu bapanya bekerja keras untuk menyara 11 orang anak. Pendidikan yang diterima oleh beliau hanya di peringkat sekolah rendah.



Keperitan hidup tidak mematahkan semangat Encik Lee Thiam Wah untuk terus berusaha. Beliau belajar sendiri dengan meminjam buku daripada jiran dan menjual makanan ringan di tepi jalan.

“Saya perlu berusaha sendiri kerana tiada siapa yang akan memberi saya kerja dengan keadaan fizikal saya yang sebegini.”

Berbekalkan semangat serta usahanya yang bersungguh-sungguh dan mengumpulkan wang sedikit demi sedikit, akhirnya Encik Lee Thiam Wah berjaya membuka pasar raya beliau yang pertama. Berdasarkan pengalaman dan kejayaan beliau dalam menguruskan pasar raya, beliau melebarkan perniagaannya dengan membuka rangkaian kedai serbaneka yang moden. Kedai tersebut menyediakan segala keperluan untuk kemudahan orang ramai.





Sikap rajin dan usaha keras beliau telah membuka banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Pembukaan pasar raya tersebut juga telah memudahkan rakyat untuk mendapatkan barangan. Sikap Encik Lee Thiam Wah yang berusaha dengan bersungguh-sungguh wajar dicontohi. Kejayaan beliau memajukan perniagaan patut dijadikan pembakar semangat untuk kita berjaya dalam bidang yang kita ceburi.

Sesungguhnya, sikap rajin berusaha dapat membantu seseorang memajukan diri dan memberikan sumbangan kepada kemajuan negara.

ASAHA MINDA



1. Huraikan sikap rajin Encik Lee Thiam Wah.
2. Terangkan kepentingan bersikap rajin untuk memajukan negara.
3. Sekiranya kamu Encik Lee Thiam Wah, apakah perasaan kamu apabila sikap rajin kamu dihargai oleh negara? Mengapa?
4. Ceritakan cara kamu bersikap rajin bagi memajukan diri, keluarga dan negara.





Reka Cipta Menjana Kemajuan Negara



Teliti temu ramah di bawah.

Seorang wartawan telah menemu bual Saran Raj a/l Karunan, 12 tahun, pemenang tempat pertama Pertandingan Pereka Cipta Muda Peringkat Kebangsaan.

1. Tahniah. Bolehkah kamu terangkan hasil reka cipta kamu?

3. Wow, menariknya ciptaan kamu!

5. Bagaimanakah kamu boleh berjaya menghasilkan beg pintar ini?

7. Saya kagum akan kesungguhan dan kerajinan kamu. Kalau semua rakyat Malaysia dapat menghasilkan pelbagai ciptaan dan inovasi, pasti negara kita akan semakin maju.

2. Terima kasih. Saya telah mencipta beg sekolah pintar yang dilengkapi pepapan solar. Ciptaan ini digunakan untuk mengecas e-buku dan gajet teknologi maklumat yang lain.

4. Beg ini juga mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti alat pengesan sistem penentu kedudukan global atau *global positioning system* (GPS) yang membolehkan kita mengetahui lokasi beg tersebut sekiranya hilang.

6. Saya banyak menghabiskan masa membuat kajian melalui Internet dan bahan bacaan. Saya juga mengadakan perbincangan dengan guru dan kawan-kawan tentang reka cipta beg ini.

ASA MINDA

1. Huraikan sikap rajin yang ditunjukkan oleh Saran Raj.
2. Bagaimanakah sikap rajin yang ditunjukkan oleh Saran Raj dapat memajukan negara?
3. Andaikan kamu ialah Saran Raj. Apakah perasaan kamu apabila ciptaan kamu mendapat pengiktirafan negara?

KBAT

Ramalkan kebaikan kepada negara jika rakyat Malaysia bersikap rajin seperti Saran Raj.

TEROPONG MAKLUMAT

GPS berfungsi untuk menentukan kedudukan sesuatu tempat sama ada di darat, udara atau di laut.



NOTA GURU

- Minta murid menemu bual rakan atau murid lain tentang kejayaan dalam bidang yang diceburi oleh mereka.
- Minta murid berkongsi maklumat tentang ciri-ciri kerajinan yang ada pada mereka bersama-sama dengan murid lain.



Kreativiti Meningkatkan Ekonomi

Malaysia terkenal dengan hasil seni kraf tangan seperti batik, ukiran kayu, anyaman dan barangan seramik. Hasil kraf tangan ini bukan sahaja dapat meningkatkan pendapatan pengusaha kraf tangan tetapi mampu menarik kehadiran pelancong ke negara kita.

Kesemua seni kraf tangan ini dihasilkan daripada kreativiti dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh rakyat Malaysia. Hasil kraf tangan dibuat secara teliti, penuh semangat dan tanpa jemu serta diakui amat halus selain mempunyai nilainya yang tersendiri. Kraf tangan yang dihasilkan boleh digunakan sebagai perhiasan diri, alat keperluan harian, alat permainan atau digunakan dalam upacara keagamaan sesuatu kaum.

Gambar di bawah menunjukkan beberapa contoh kraf tangan yang dihasilkan oleh rakyat Malaysia.





ASAH MINDA



1. Nyatakan sikap rajin yang perlu kamu amalkan semasa menghasilkan kraf tangan.
2. Bagaimanakah kamu boleh membantu memajukan industri kraf tangan Malaysia?
3. Apakah kebaikannya kepada negara jika rakyat berusaha dengan bersungguh-sungguh bagi menghasilkan kraf tangan yang menarik, kreatif dan inovatif?



Secara individu atau berkumpulan, hasilkan sekurang-kurangnya satu jenis kraf tangan yang diusahakan oleh rakyat Malaysia.

Cara melaksanakannya:

1. Pilih satu kraf tangan yang kamu atau kumpulan kamu ingin hasilkan.
2. Cari maklumat tentang cara atau proses menghasilkan kraf tangan tersebut.
3. Hasilkan kraf tangan tersebut dengan gigih dan bersungguh-sungguh.
4. Pamerkan kraf tangan tersebut di dalam kelas.



Buat refleksi tentang masalah yang dihadapi semasa menghasilkan kraf tangan dan cara kumpulan kamu mengatasinya.



NOTA GURU



- Adakan lawatan sambil belajar ke pusat kraf tangan.
- Sediakan laporan ringkas tentang proses pembuatan kraf tangan dan sikap yang ditunjukkan oleh pengusaha kraf tangan semasa menghasilkan kraf tangan tersebut.





PENGAYAAN

Usaha Berterusan, Negara Jaya



Baca dan fahami maklumat di bawah.

Emanuel anak Ngumbang bercita-cita untuk menjadi seorang pemuzik profesional pada suatu hari nanti. Dia berhasrat untuk membantu memajukan negara dalam bidang yang diceburinya. Dia telah menghasilkan satu perancangan untuk mencapai cita-citanya.

Matlamat hidup/cita-cita: Menjadi pemuzik profesional

Perkara yang perlu dilakukan untuk mencapai matlamat	Usaha berterusan yang perlu dilakukan untuk mencapai matlamat	Cara meningkatkan imej negara
<ol style="list-style-type: none"> 1. tahu bermain alat muzik 2. tahu membaca not lagu 3. berilmu 4. kreatif dan inovatif 	<ol style="list-style-type: none"> 1. gigih berlatih alat muzik 2. menghadiri kelas muzik 3. berusaha untuk lulus dalam peperiksaan yang berkaitan dengan muzik 4. mencipta muzik yang baharu 	<ol style="list-style-type: none"> 1. memperkenalkan lagu baharu pada peringkat antarabangsa 2. menjalankan usaha sama dengan pemuzik profesional di luar negara 3. memperkenalkan muzik tradisional negara ke peringkat antarabangsa 4. mengadakan persembahan pada peringkat antarabangsa



ASA H MINDA

1. Berdasarkan contoh di atas, nyatakan cita-cita kamu dan lengkapkan butiran seperti yang terdapat dalam jadual tersebut. Bentangkan hasil perancangan kamu secara kreatif.
2. Ceritakan perasaan kamu apabila berjaya mencapai matlamat hidup untuk memajukan negara.

NOTA GURU

- Bimbing murid menghasilkan satu contoh perancangan tentang matlamat hidup atau cita-cita mereka.





Rajin Membaca, Negara Gemilang



Baca dan fahami maklumat di bawah.

Hema
Hai, kawan! Saya berada di pesta buku.
 4:30 PM

Andrew
Saya tidak berminat dengan buku-buku ini. Saya lebih suka bermain permainan komputer di rumah. 5:02 PM

Ai Ling
Wah, seronoknya! Pasti banyak buku di sana. 4:32 PM

Shi Jie
Andrew, banyak buku permainan komputer di sana. 5:03 PM

Shi Jie
👍 👍 👍 4:40 PM

Ai Ling
🍪 🍪 🍪 5:06 PM

Hema
 5:10 PM

Andrew
Wah, menariknya! Kalau begitu, saya pun hendak pergi ke sana. 5:10 PM

Hema
Seronoknya. Mesti banyak kebaikan jika kita rajin membaca. 5:12 PM

Ai Ling
😊 😊 😊 Banyaknya orang di sana. 4:50 PM

Amir
Memang betul. Kalau kita rajin membaca, kita boleh mencontohi semangat dan kesungguhan tokoh-tokoh yang memajukan negara. 5:14 PM


Hema
 4:56 PM

Harghun
Kita boleh dapat banyak idea. Kita boleh menghasilkan banyak ciptaan. Barulah negara dapat membangun dengan pesat. 5:16 PM

Misha
Menariknya buku yang kamu beli. Saya akan mengajak keluarga saya pergi ke sana pada hari Sabtu ini. 4:58 PM

Amir
❤️ ❤️ ❤️ 5:17 PM





ASAH MINDA



1. Apakah isi perbualan antara Hema dengan rakan-rakannya?
2. Bagaimanakah sikap rajin membaca dapat membantu diri dan negara?



Cari maklumat tentang tokoh-tokoh yang berjaya. Kenal pasti ciri-ciri kerajinan yang ada pada tokoh tersebut sehingga beliau berjaya. Lengkapkan rajah di bawah.

Nama tokoh yang berjaya:

Bidang:

Sumbangan tokoh kepada negara yang boleh dicontohi:

Pengajaran yang boleh saya teladani untuk memajukan diri dan negara:

NOTA GURU



- Minta murid berkongsi maklumat tentang ciri-ciri kerajinan tokoh yang dibaca agar memberikan inspirasi kepada mereka untuk bersikap rajin.





Penilaian Formatif



Adakah kamu memiliki ciri-ciri kerajinan untuk memajukan negara?
Tandakan (✓) pada pernyataan yang berkaitan dengan kamu.



Bil.	Pernyataan	Ya (✓)
1.	Saya sanggup berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam bidang yang saya ceburi demi negara.	
2.	Saya tidak mudah berputus asa untuk terus memberikan sumbangan kepada negara.	
3.	Saya berasa gembira apabila sikap rajin saya dapat meningkatkan imej negara.	
4.	Saya akan berusaha dengan gigih untuk mencapai matlamat hidup agar dapat membantu memajukan negara.	
5.	Saya bersemangat untuk memberikan sumbangan kepada negara.	
6.	Saya sanggup mengorbankan masa dan tenaga mempelajari bidang yang baharu demi negara.	
7.	Saya tabah menghadapi rintangan untuk menyahut seruan negara dalam bidang yang saya ceburi.	
8.	Saya akan memastikan usaha saya untuk memajukan negara sentiasa berterusan dan tidak mengalah begitu sahaja.	
9.	Saya berasa sedih jika negara menjadi mundur disebabkan sikap saya yang tidak sanggup berusaha.	
10.	Saya sanggup bersaing dengan orang lain untuk memajukan negara.	

Skor

Jika jumlah skor (✓) antara:

6 hingga 10: Tahniah, sikap kerajinan kamu boleh dicontohi!

0 hingga 5 : Tingkatkan sikap kerajinan kamu. Kamu pasti boleh!

Saya berjanji akan mengamalkan sikap rajin demi kemajuan diri dan negara dengan cara _____



Penilaian Sumatif



Teliti kandungan ucapan pemimpin negara di bawah.



Saya bangga akan sikap rajin yang ditunjukkan oleh rakyat Malaysia sehingga negara mencapai kemajuan pesat. Negara kita setanding dengan negara lain dalam bidang sains dan teknologi.



Lengkapkan impian kamu 10 tahun yang akan datang dan usaha kamu untuk merealisasikan impian itu.

1. Jelaskan sikap yang perlu kamu amalkan untuk memajukan negara.

2. Terangkan perasaan kamu apabila negara mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang.

3. Huraikan kepentingan rakyat bersikap rajin untuk memajukan negara.

Saya berjaya mencapai perkara yang saya ingini. Usaha tangga kejayaan!



Usaha saya:

Usaha saya:

Kini umur saya 12 tahun.




NOTA GURU



- Bersama-sama dengan murid, rumuskan kepentingan bersikap rajin demi kemajuan negara.



KERJASAMA SERIKAN KEHIDUPAN




Baca dan fahami cerita di bawah.

Pada suatu masa dahulu, keadaan kehidupan di bumi sangat menyedihkan. Cuaca di bumi tidak menentu. Tasik dan sungai semakin hari semakin kering. Banyak haiwan dan tumbuhan musnah. Manusia juga mati kebuluran. Keadaan ini berlaku kerana sikap mementingkan diri sendiri antara Sang Matahari, Sang Angin dan Sang Awan.

Saban hari hidupan di bumi berdoa agar kehidupan mereka kembali makmur. Doa mereka telah didengar oleh Si Pari-pari. Si Pari-pari berasa sedih melihat keadaan bumi.

“Wahai Sang Matahari, Sang Angin dan Sang Awan, lihatlah apa yang telah kamu lakukan kepada bumi,” kata Si Pari-pari.



“Ubahlah sikap kamu bertiga dengan bekerjasama antara satu sama lain,” kata Si Pari-pari lagi.

Apabila mendengar kata-kata itu, maka mereka mulai sedar akan kesilapan yang telah dilakukan oleh mereka.

Maka berbincanglah mereka bertiga cara untuk bekerjasama bagi memakmurkan hidupan di bumi semula.

“Kita bertiga ada kelebihan masing-masing. Marilah kita menggunakannya untuk memakmurkan bumi,” kata Sang Awan.





Sang Matahari pun memancarkan sinarnya ke arah bumi. Sang Angin meniupkan udara dingin yang menyegarkan. Sang Awan pula mencurahkan air hujan ke bumi.

Sejak itu, sungai mulai dipenuhi air. Tumbuh-tumbuhan mula menghijau dan semua haiwan riang gembira. Kehidupan bumi kembali ceria. Semua hidupan bersyukur dengan nikmat yang melimpah ruah.

Sang Matahari, Sang Angin dan Sang Awan berasa gembira melihat hidupan di bumi kembali ceria. Kini, mereka bertiga saling bekerjasama dan berganding bahu untuk kesejahteraan bumi.



ASAH MINDA

1. Huraikan sikap bekerjasama antara Sang Matahari, Sang Angin dan Sang Awan.
2. Jelaskan kepentingan sikap bekerjasama yang terdapat dalam cerita di atas.
3. Lakonkan situasi di atas dan nyatakan perasaan kamu apabila dapat bekerjasama untuk kebaikan.
4. Ceritakan pengalaman kamu bekerjasama bagi menjayakan sesuatu program.

NOTA GURU

- Bimbing murid melakonkan cerita di atas.





PENGUKUHAN **Kerjasama Diberikan, Khidmat Dicurahkan**



Baca dan fahami catatan diari Ranjini.



22 Ogos (Sehari sebelum pertandingan)

- ❖ Saya berasa bangga apabila sekolah saya menjadi tuan rumah bagi Pertandingan Robotik Peringkat Kebangsaan.
- ❖ Saya dan rakan-rakan membantu guru serta pekerja sekolah menghias pentas dan membersihkan dewan.



23 Ogos (Pada hari pertandingan)

7.00 pagi Pendaftaran peserta

- ❖ Saya dan rakan-rakan yang terlibat sebagai ahli jawatankuasa (AJK) pendaftaran membantu guru menguruskan pendaftaran peserta.
- ❖ Rakan-rakan pengawas yang bertugas sebagai penunjuk arah pula menunjukkan arah dan mengiringi peserta ke tempat pertandingan.



10.00 pagi Sarapan pagi

- ❖ Rakan-rakan yang terlibat sebagai AJK jamuan membantu guru menguruskan makanan dan minuman untuk diagihkan kepada peserta pertandingan.



12.30 tengah hari Makan tengah hari

- ❖ Rakan-rakan yang terlibat sebagai AJK jamuan membantu untuk menyediakan makanan tengah hari kepada juri pertandingan, guru pengiring dan peserta pertandingan.





2.00 petang

Pertandingan diteruskan

- ❖ AJK jamuan mengedarkan minuman kepada peserta.
- ❖ Saya dan rakan-rakan memberikan sokongan moral kepada pasukan negeri kami.



4.00 petang

Majlis penutupan

- ❖ Rakan-rakan yang terlibat sebagai AJK hadiah membantu guru menyusun dan menyediakan hadiah untuk para pemenang.
- ❖ Selepas majlis selesai, saya dan warga sekolah mengemas dan membersihkan dewan bersama-sama.
- ❖ Kami sangat gembira kerana pertandingan ini berlangsung dengan jayanya hasil kerjasama semua pihak.

ASAHA MINDA




1. Ilustrasikan cara Ranjini dan warga sekolah bekerjasama bagi menjayakan Pertandingan Robotik Peringkat Kebangsaan.
2. Terangkan kebaikan kamu bekerjasama dalam sesuatu aktiviti yang dianjurkan pada peringkat negara.
3. Jelaskan perasaan kamu apabila dapat bekerjasama semasa menjayakan aktiviti pada peringkat kebangsaan.

NOTA GURU

- Bimbing murid menyediakan ilustrasi seperti menggunakan Peta Bulatan.
- Tekankan kepentingan mengamalkan kerja berpasukan dalam sesuatu program yang dianjurkan pada peringkat negara.



12.1.1
12.1.2
12.1.3
12.1.4



PENGAYAAN **Bersama-sama Mencegah Jenayah**



Mari bersama-sama melaksanakan Program Minggu Jenayah Sifar.

Sekolah kamu bercadang untuk mengadakan Program Minggu Jenayah Sifar bersempena dengan Kempen Pencegahan Jenayah Peringkat Kebangsaan. Program tersebut bertujuan untuk memberikan kesedaran dan rasa tanggungjawab dalam kalangan murid untuk bersama-sama membanteras perbuatan jenayah di dalam atau di luar sekolah. Pelbagai agensi kerajaan turut dilibatkan dalam program ini.

Cara melaksanakan Program Minggu Jenayah Sifar

1. Jalankan aktiviti ini secara berkumpulan.
2. Setiap kumpulan diberi tugas yang perlu disiapkan.
3. Semua ahli dalam kumpulan dikehendaki bekerjasama untuk menyiapkan tugas yang ditetapkan.

• Kumpulan 1 •

Mewujudkan dan Menghias Sudut Pencegahan Jenayah

- * mencari maklumat tentang kadar jenayah terkini yang berlaku di Malaysia seperti rogol, buli, penyalahgunaan dadah, gangsterisme dan ragut
- * mencari statistik, carta dan keratan akhbar tentang kes jenayah
- * memaparkan dan menghias maklumat yang diperolehi di Sudut Pencegahan Jenayah

• Kumpulan 2 •

Menghasilkan Risalah Ringkas

- * mencari maklumat daripada pelbagai sumber tentang cara-cara mencegah jenayah seperti ragut, buli dan sebagainya
- * memaparkan maklumat tersebut secara kreatif dalam bentuk risalah
- * mengedarkan risalah kepada murid dan pelawat sekolah



• Kumpulan 3 •

Mengadakan Kuiz Antijenayah

- * bekerjasama dengan guru bagi menjayakan kuiz antijenayah
- * mengedarkan soalan kuiz kepada peserta
- * mengumpulkan kertas jawapan
- * menyerahkannya kepada guru
- * membantu guru menyediakan hadiah

• Kumpulan 4 •

Membuat Promosi Minggu Jenayah Sifar

- * menghasilkan kain rentang yang mengandungi butiran berikut.
 - tarikh, tempat dan masa
 - aktiviti yang dijalankan
 - nama penaja dan pihak yang bekerjasama
- * memuat naik butiran program dalam laman web sekolah

• Kumpulan 5 •

Menguruskan Pameran Agensi Luar di Dewan Sekolah

- * bekerjasama dengan guru untuk menjemput pelbagai agensi kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) dan Jabatan Penjara Malaysia
- * mengadakan pameran di sekolah
- * membantu menyediakan tempat pameran



ASAH MINDA

Selepas melaksanakan Minggu Jenayah Sifar, buat refleksi tentang perkara berikut.

1. Bagaimanakah kamu bekerjasama untuk menjayakan minggu antijenayah?
2. Nyatakan kebaikan kamu bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi menjayakan minggu tersebut.
3. Apakah perasaan kamu apabila bekerjasama dengan pelbagai pihak demi kesejahteraan negara?

NOTA GURU

- Jemput pelbagai agensi kerajaan seperti PDRM, PEMADAM, Jabatan Penjara Malaysia dan pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan untuk memberikan ceramah kepada murid bersempena dengan Minggu Jenayah Sifar.



Dasar Kerajaan Dijayakan Bersama



Teliti dan fahami cerita di bawah.

Semasa Fenny Silong dan rakan-rakannya berada di Pasar Harmoni, mereka melihat beberapa orang pemilik gerai tidak mematuhi harga kawalan yang telah ditetapkan oleh kerajaan.



Mereka kecewa dengan tindakan pemilik gerai itu. Mereka menghubungi pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk membuat aduan.

Helo, kami ingin melaporkan beberapa orang pemilik gerai di Pasar Harmoni tidak mematuhi harga kawalan yang ditetapkan oleh kerajaan.



TEROPONG MAKLUMAT

Talian bebas tol KPDNKK ialah 1800-886-800.



Keesokan harinya, beberapa anggota penguatkuasa KPDNKK membuat pemeriksaan di tempat itu. Pemilik gerai tersebut diberi amaran tegas dan dikenakan kompaun.



Fenny Silong dan rakan-rakannya berasa gembira. Hasil tindakan berani mereka, pemilik gerai itu mula menjual barangan terkawal mengikut harga yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Orang ramai turut mendapat manfaat daripadanya.

ASAH MINDA

1. Nyatakan tindakan Fenny Silong dan rakan-rakan bagi mengatasi masalah penjual yang tidak mematuhi harga kawalan.
2. Nyatakan kepentingan kamu bekerjasama dengan agensi kerajaan seperti KPDNKK.
3. Kongsikan perasaan kamu apabila kerjasama yang telah kamu berikan membawa kebaikan kepada masyarakat dan negara.



Bekerjasama secara kumpulan bagi membantu kerajaan memantau harga barangan yang dijual di pasar yang berdekatan dengan tempat tinggal kamu.

Cara bekerjasama:

1. Cari maklumat tentang senarai harga barangan kawalan daripada laman web KPDNKK.
2. Buat lawatan ke pasar yang berdekatan dengan tempat tinggal kamu.
3. Bandingkan harga barangan kawalan yang dijual di pasar tersebut dengan senarai harga barangan kawalan yang dikeluarkan oleh KPDNKK.
4. Berdasarkan hasil dapatan, bincangkan cara membantu kerajaan bagi mengatasi masalah tersebut dan kebaikannya.

NOTA GURU

- Minta murid melayari <http://www.kpdnkk.gov.my/> untuk mencari maklumat tentang Skim Kawalan Harga Musim Perayaan.



Penilaian Formatif



Berdasarkan pengalaman kamu bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk menjayakan program pada peringkat sekolah, negeri atau kebangsaan, lengkapkan borang di bawah.

Borang Bekerjasama demi Negara

Nama program: _____

Tarikh program diadakan: _____

Anjuran: _____

Aktiviti yang dijalankan semasa program: _____

Cara saya bekerjasama bagi menjayakan program: _____

Kebaikan saya bekerjasama dalam program tersebut: _____

Perasaan saya apabila dapat bekerjasama bagi menjayakan program: _____





Penilaian Sumatif



Teliti poster di sebelah.



A.



1. Bagaimanakah kamu dapat bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk membanteras jenayah?



2. Jelaskan perasaan kamu apabila kamu turut menyumbang ke arah penurunan kadar jenayah di Malaysia.



Berdasarkan situasi, jawab soalan yang diberikan.



B.

Bersempena dengan Bulan Bahasa Kebangsaan, pelbagai aktiviti diadakan untuk masyarakat seperti Kembara Bahasa, pementasan drama dan pertandingan penulisan puisi.

1.

Huraikan cara kamu bekerjasama bagi menjayakan program tersebut.

2.

Terangkan kepentingan kamu turut serta bagi menjayakan aktiviti yang dianjurkan.



C.

Kelab Alam Sekitar sekolah bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar menanam anak pokok bakau bagi memelihara pantai daripada hakisan.

1.

Sekiranya kamu ahli Kelab Alam Sekitar sekolah, bagaimanakah kamu turut serta menjayakan aktiviti tersebut?

2.

Ramalkan kesan sekiranya kamu tidak bekerjasama bagi menjayakan aktiviti tersebut.

NOTA GURU



- Bersama-sama dengan murid, rumuskan kepentingan sikap bekerjasama dalam pelbagai program untuk kebaikan agama, bangsa dan negara.



GUNAKANLAH PRASARANA SECARA BERHEMAH



Baca dan fahami teks di bawah.

Pelbagai prasarana disediakan bagi membantu rakyat menikmati keselesaan hidup. Prasarana merangkumi kesemua kemudahan awam dan perkhidmatan asas yang disediakan oleh kerajaan. Antara prasarana yang disediakan termasuklah seperti yang berikut.



Kesemua prasarana ini amat penting kepada masyarakat dan harus dijaga dengan sempurna. Namun begitu, terdapat segelintir masyarakat yang tidak menjaga dan menggunakannya dengan baik. Contohnya, tidak menjaga kebersihan semasa menggunakan tandas awam. Sekiranya prasarana tidak digunakan secara berhemah, masyarakat tidak dapat menggunakannya lebih-lebih lagi semasa kecemasan. Kerajaan juga terpaksa memperuntukkan perbelanjaan tambahan untuk membaik pulihnya semula.



Peta minda di bawah menunjukkan pelbagai cara menggunakan prasarana secara berhemah.



Prasarana yang disediakan oleh kerajaan ialah hak kita bersama. Kita bertanggungjawab untuk menjaga dan menggunakannya dengan berhemah. Sikap berhemah menunjukkan kita mengamalkan nilai sederhana demi kebaikan bersama.

ASAH MINDA

1. Bagaimanakah kamu menjaga dan menggunakan prasarana secara berhemah?
2. Kemukakan kepentingan menggunakan prasarana secara sederhana.
3. Ceritakan perasaan kamu apabila menggunakan prasarana yang dijaga dengan baik berbanding dengan prasarana yang dirosakkan.
4. Kamu ternampak beberapa orang budak sedang merosakkan kemudahan awam di sebuah taman rekreasi. Apakah tindakan kamu? Lakonkan.

NOTA GURU

- Ingatkan murid bahawa setiap tindakan yang diambil perlu mengambil kira keselamatan diri dan akibatnya.



Hargailah Pengangkutan Awam

Guntalib dan keluarga menaiki bas untuk balik ke kampung.



Baca dan fahami perbualan di bawah.



1. Berikan sebab ayah Guntalib berasa kagum akan sikap rakyat Malaysia.
2. Terangkan kebaikan apabila rakyat menggunakan pengangkutan awam dengan berhemah.
3. Berikan contoh tingkah laku baik yang lain apabila menggunakan pengangkutan awam.
4. Jelaskan perasaan kamu apabila menggunakan pengangkutan awam secara berhemah.



13.1.1
13.1.2
13.1.3

NOTA GURU



- Galakkan murid berkongsi pengalaman menaiki pengangkutan awam dan mengaitkannya dengan nilai kesederhanaan.



Katakan Tidak kepada Vandalisme



Teliti gambar berikut.



1. Jalankan projek ini secara berkumpulan.
2. Projek ini bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat agar sentiasa berhemah semasa menggunakan prasarana yang disediakan.
3. Cadangan agihan tugas mengikut kumpulan adalah seperti yang berikut.
 - a. mencari dan mengumpulkan gambar dan maklumat tentang prasarana sama ada kemudahan awam atau perkhidmatan asas yang disediakan
 - b. mencari dan mengumpulkan maklumat tentang kegiatan vandalisme
 - c. menyediakan bahan tentang kesan kerosakan prasarana terhadap diri, masyarakat dan negara
 - d. menyediakan panduan tentang penggunaan prasarana secara berhemah dan bersederhana



Laksanakan projek ini dalam bentuk pameran di dewan sekolah.

NOTA GURU

- Bimbing murid menjalankan projek.
- Minta murid memuat naik panduan penggunaan prasarana secara berhemah yang dihasilkan oleh mereka dalam laman web sekolah.





PENGAYAAN

Sikap Keterlaluan Membawa Padah



Baca dan fahami teks di bawah.

Tarikh 18 Oktober mengingatkan aku kepada kebakaran beberapa buah rumah yang telah berlaku setahun yang lalu. Tiga nyawa telah terkorban dalam kebakaran tersebut. Kejadian ini disebabkan oleh perbuatan beberapa orang penduduk yang menyalahgunakan pili bomba.

Aku pernah ternampak beberapa kali penduduk menggunakan air daripada pili bomba untuk kegunaan harian. Akibat terlalu kerap menggunakannya, berlaku kerosakan pada pili bomba menyebabkan tekanan air di dalam pili bomba menjadi rendah.

Hal ini menyebabkan anggota bomba tidak dapat memadamkan api dengan cepat semasa kebakaran. Akhirnya, berlakulah kemalangan jiwa dan kesusnahan harta benda.

Aku merayu masyarakat supaya menggunakan kemudahan awam secara berhemah demi kebaikan bersama.



ASAH MINDA

1. Apakah yang patut kamu lakukan apabila melihat kemudahan awam dirosakkan?
2. Terangkan cara kamu menyedarkan masyarakat supaya menggunakan kemudahan awam secara berhemah.

KBAT

Adakah tindakan orang awam menggunakan air daripada pili bomba satu kesalahan? Mengapa?

TEROPONG MAKLUMAT

- Bagi memastikan pili bomba berada dalam keadaan baik, pihak bomba telah memperkenalkan Program Teman Pili Bomba. Program ini bertujuan untuk menyedarkan orang ramai tentang pentingnya penjagaan pili bomba.

NOTA GURU

13.1.1
13.1.2

- Berbincang dengan murid tentang kepentingan menjaga dan melindungi kemudahan awam.



PENGAYAAN Prasarana Dijaga, Rakyat Ceria

Pernahkah kamu dan keluarga berhenti di kawasan rehat dan rawat (R & R)? Kawasan R & R ini disediakan untuk pengguna berhenti rehat dan menggunakan pelbagai kemudahan awam yang terdapat di situ. Contohnya pondok, tandas, surau, mesin ATM, restoran, tempat meletakkan kenderaan dan taman permainan kanak-kanak. Semua kemudahan ini dikelolakan dengan baiknya oleh pihak penguasa lebuh raya untuk keselesaan pengguna.



1. Rancang projek lawatan ke sebuah kawasan R & R atau kemudahan awam yang berdekatan.
2. Semasa berada di situ, kenal pasti kemudahan yang masih berada dalam keadaan yang baik dan kemudahan yang telah rosak.
3. Jalankan temu bual dengan beberapa orang pengunjung tentang pandangan mereka tentang keadaan kemudahan yang disediakan di situ.
4. Buat laporan tentang penggunaan dan penyelenggaraan kemudahan awam tersebut. Berikan penekanan terhadap sikap berhemah yang diamalkan oleh pengunjung di tempat tersebut.

TEROPONG MAKLUMAT



Penyelenggaraan ialah perkara yang berkaitan dengan pemeliharaan dan pengawasan sesuatu tempat atau bangunan.

NOTA GURU



- Bantu murid merancang lawatan ke kawasan R & R atau kemudahan awam yang berdekatan.





PEMULIHAN

Jagalah Kemudahan Awam



Mari bermain.

Permainan Rakyat Bersederhana

CARA BERMAIN

1. Permainan dijalankan secara berkumpulan.
2. Setiap kumpulan dikehendaki melantik seorang ketua untuk mendapatkan tugasan di setiap stesen.
3. Setiap kumpulan dikehendaki menyiapkan tugasan dalam tempoh yang ditetapkan.
4. Wisel akan dibunyikan apabila masa yang diberikan tamat.
5. Ketua kumpulan menyerahkan hasil kerja kumpulan di stesen tersebut.
6. Ketua kumpulan bergerak ke stesen seterusnya untuk mengambil tugasan baharu.
7. Markah yang diperolehi dari setiap stesen akan dijumlahkan untuk menentukan pemenang.
8. Kumpulan yang mendapat jumlah markah tertinggi ialah pemenang.

STESEN 1

Senaraikan seberapa banyak kemudahan awam yang terdapat di Malaysia dalam masa 2 minit.



STESEN 2

Senaraikan perbuatan penyalahgunaan kemudahan awam dalam masa 4 minit.



STESSEN 3

Berdasarkan gambar, senaraikan cara menggunakan kemudahan awam secara berhemah dalam masa 5 minit.



STESSEN 4

Hasilkan satu slogan untuk menggalakkan masyarakat menggunakan kemudahan awam secara berhemah serta menulisnya dengan kreatif dalam masa 10 minit.

Contoh Slogan

**BERSEDERHANA
RAKYAT
BIJAKSANA**

**BERHEMAM
SEMASA
MENGUNAKAN
KEMUDAHAN
AWAM**

**KATAKAN
TIDAK
KEPADA
VANDALISME**

NOTA GURU

- Tempat dan masa permainan di setiap stesen boleh disesuaikan.
- Berbincang dengan murid tentang kepentingan dan perasaan mereka apabila bersikap sederhana semasa menggunakan kemudahan awam yang disediakan.





Penilaian Formatif



Pernahkah kamu melakukan perbuatan berikut semasa menggunakan prasarana yang disediakan? Tandakan (✓) pada pernyataan yang berkaitan dengan kamu.

Prasarana	Bil.	Pernyataan Pernahkah kamu ...	Pernah (✓)	Tidak Pernah (✓)
Tandas awam	1.	menconteng tandas awam?		
	2.	membuang sampah ke dalam mangkuk tandas?		
	3.	menarik paip air atau mengepam air dengan kuat?		
	4.	tidak menutup paip air selepas menggunakannya?		
Taman permainan	5.	menyalahgunakan alatan permainan?		
	6.	menggunakan alatan permainan dengan kasar?		
	7.	membuang sampah di merata-rata tempat?		
	8.	mematahkan ranting pokok atau memetik bunga?		
Perhentian bas	9.	menconteng tempat menunggu bas?		
	10.	menampal iklan di perhentian bas?		
	11.	merosakkan tempat duduk di perhentian bas?		
	12.	membuang air kecil di perhentian bas?		
Kawasan R & R	13.	membazirkan cecair pencuci semasa mencuci tangan di singki?		
	14.	membuang sampah di tempat meletakkan kenderaan?		
	15.	menconteng pondok rehat yang ada di situ?		
	16.	merosakkan papan tanda arah?		

Skor

Pernah = 0

Tidak Pernah = 1

Jika jumlah skor antara:

11 hingga 16 : Kamu menggunakan prasarana secara berhemah.

6 hingga 10 : Tingkatkan usaha untuk menggunakan prasarana secara berhemah.

0 hingga 5 : Berazamalah untuk menggunakan prasarana secara berhemah.





Penilaian Sumatif



Teliti gambar di bawah.



1. Apakah perasaan kamu apabila melihat gambar di atas? Mengapa?

2. Senaraikan kepentingan menggunakan prasarana secara berhemah.

3. Apakah kesan kepada negara jika masalah tersebut tidak diatasi?

4. Apakah yang perlu kamu lakukan apabila ternampak prasarana tersebut disalahgunakan?

UTUSAN BERITA SEMASA

POLITIK | EKONOMI | SOSIAL | HIBURAN | TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

BELANJA BAIK PULIH PRASARANA MENINGKAT

KUALA LUMPUR
23 NOVEMBER

- Pada setiap tahun kerajaan membelanjakan

berjuta ringgit untuk membaik pulih pelbagai parasarana yang disediakan di kawasan Kuala Lumpur. Hal ini penting bagi memastikan parasarana tersebut dapat digunakan dengan selesanya oleh



para pengguna. Misalnya, kerajaan telah membaik pulih papan-papan tanda di sekitar

jalan raya yang rosak akibat perbuatan vandalisme. Kerajaan juga membaiki pondok-pondok rehat di taman rekreasi untuk kegunaan dan kemudahan para pengunjung.



Baca dan fahami petikan akhbar yang dipaparkan.



1. Patutkah kerajaan membelanjakan wang begitu banyak untuk membaik pulih prasarana tersebut? Mengapa?



2. Bagaimanakah kamu dapat membantu kerajaan mengurangkan perbelanjaan untuk membaik pulih prasarana yang rosak?




NOTA GURU



- Bersama-sama dengan murid, rumuskan kepentingan bersikap sederhana semasa menggunakan prasarana.



TOLERANSI MENERATKAN HUBUNGAN NEGARA



Baca dan fahami cerita di bawah.

Keluarga Bah Eton berasa gembira kerana mereka akan menerima seorang anak angkat dalam program pertukaran murid peringkat antarabangsa antara sekolahnya dengan sebuah sekolah dari Indonesia. Program tersebut bertujuan untuk mengeratkan hubungan dan mengenali budaya serta adat resam antara dua negara.



Sebagai persiapan awal, bapa Bah Eton telah berbincang dengan semua ahli keluarganya tentang persiapan menyambut kedatangan anak angkat mereka yang bernama Gonzales. Gonzales akan ditempatkan di bilik bersama-sama dengan Bah Eton dan adiknya. Namun, di bilik mereka hanya terdapat dua buah katil. Demi memberikan keselesaan kepada tetamu, adik Bah Eton menawarkan diri untuk tidur di bilik kakaknya.



Setelah beberapa hari tinggal di rumah keluarga angkat, Gonzales ingin menggunakan komputer untuk menghantar e-mel kepada keluarganya. Bah Eton memberitahu Gonzales bahawa kakaknya sedang menggunakan komputer tersebut. Walau bagaimanapun, Gonzales sabar menunggu sehingga kakak Bah Eton selesai membuat kerjanya.



Pada hari minggu, bapa Bah Eton ingin membawa mereka berdua pergi melawat ke tempat-tempat menarik di Cameron Highlands. Semasa hendak menaiki kereta, Bah Eton mempelawa Gonzales supaya duduk



di kerusi hadapan yang menjadi tempat kegemarannya. Gonzales menolak pelawaan itu. Bah Eton menjelaskan bahawa adalah lebih elok Gonzales duduk di kerusi hadapan untuk memudahkannya melihat pemandangan tempat-tempat yang dilawati dengan lebih jelas. Gonzales berasa bangga akan sikap Bah Eton yang tidak mementingkan diri sendiri.

Selepas beberapa hari, berakhirilah program anak angkat tersebut. Sebelum berpisah, Gonzales mengucapkan terima kasih kepada keluarga Bah Eton dan berharap agar hubungan mereka terus berpanjangan.



ASAH MINDA

1. Apakah sikap yang ditunjukkan oleh watak-watak dalam cerita di atas?
2. Terangkan kepentingan kamu bertoleransi apabila terlibat dalam program pertukaran murid peringkat antarabangsa.
3. Ceritakan pengalaman kamu bertoleransi apabila terlibat dalam program peringkat kebangsaan.
4. Jelaskan perasaan kamu apabila mengamalkan sikap toleransi dalam masyarakat atau dengan pihak lain.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami cerita dan kaitkannya dengan amalan toleransi.



Bertolak Ansur Atasi Masalah



Teliti gambar di bawah tentang sikap segelintir penghuni rumah pangsasemasa semasa menghadapi krisis air negara.



Sekiranya kamu berhadapan dengan situasi seperti itu, kamu hendaklah bertolak ansur bagi mengelakkan perselisihan faham dan air dapat dikongsi bersama. Teliti cara-cara untuk bertolak ansur semasa kita menghadapi krisis air.

- tidak memotong barisan
- tidak mementingkan diri
- bersabar menunggu giliran masing-masing
- mengawal diri dengan pelbagai kerenah penghuni lain
- memberikan keutamaan kepada warga tua dan orang kurang upaya

ASAH MINDA

1. Mengapakah kamu perlu bertolak ansur semasa menghadapi situasi seperti yang di atas?
2. Jelaskan perasaan kamu apabila dapat bertolak ansur dalam situasi seperti itu.

KBAT

Berikan cara kamu bertolak ansur dalam situasi lain seperti:

- kesesakan jalan raya
- upacara keagamaan



NOTA GURU

- Minta murid main peranan cerita di atas.
- Berbincang dengan murid cara bertoleransi dalam situasi yang lain.



Bertolak Ansur Bermula daripada Kita



Baca dan lakonkan situasi di bawah.

Kamu dan rakan mengunjungi sebuah restoran. Terdapat sebuah meja kosong di situ. Kamu dan rakan ingin menggunakannya. Pada masa yang sama, dua orang pelancong asing sedang menuju ke meja tersebut. Bagaimanakah kamu dan rakan bertoleransi dalam situasi tersebut?



Cara kamu dan rakan bertoleransi

- mencari tempat lain untuk makan
- berbincang secara baik



Kepentingan bertoleransi

- mengelakkan perselisihan faham
- menjaga imej negara



Perasaan apabila bertoleransi

- bangga
- puas hati



Secara berkumpulan, selesaikan masalah dalam situasi di bawah berpandukan jadual yang diberikan.

Situasi

Pasukan kamu telah ditempatkan di bilik berdekatan dengan pasukan lain semasa pertandingan bicara berirama peringkat kebangsaan. Pasukan saingan kamu giat menjalani latihan sehingga mengganggu pasukan kamu yang sedang berehat.

Cara kamu dan rakan bertoleransi



Kepentingan bertoleransi



Perasaan apabila bertoleransi



NOTA GURU

- Bimbing murid memahami situasi di atas.
- Bimbing murid membuat simulasi sikap toleransi bagi situasi di atas.



14.1.1
14.1.2
14.1.3
14.1.4




Rakyat Bertoleransi, Negara Harmoni



Teliti contoh situasi di bawah.

Kamu dan keluarga hendak mengambil bagasi di lapangan terbang. Pada ketika itu, banyak orang termasuk pelancong dari negara luar sedang menunggu untuk mengambil bagasi. Kamu tidak sabar menunggu dan terus berlari ke hadapan tempat mengambil bagasi tanpa mempedulikan orang ramai yang sudah berada di situ. Wajarkah tindakan kamu? Berikan sebab.



Berdasarkan contoh di atas, secara berkumpulan, bincangkan situasi berikut. Kemudian, lakonkan tindakan toleransi yang sepatutnya kamu ambil.

Situasi 1

Kamu merupakan Pengerusi Kelab Bola Baling di sekolah. Kamu bercadang untuk mengadakan latihan dengan ahli pasukan kamu pada hari Sabtu sebagai persediaan dalam perlawanan bola baling peringkat kebangsaan. Beberapa ahli pasukan memberitahu kamu bahawa mereka tidak boleh hadir pada hari tersebut kerana mereka ingin menghadiri sesi pemilihan pemain bola sepak peringkat daerah. Kamu tidak berpuas hati dan menegur tindakan mereka. Wajarkah tindakan kamu? Berikan sebab.

Situasi 2

Kamu dan rakan-rakan mengikuti lawatan sambil belajar ke Petrosains, Kuala Lumpur. Kamu dan rakan-rakan begitu seronok dan teruja menggunakan alat ujian yang terdapat di situ sehingga pengunjung lain berasa tidak selesa dengan sikap kamu dan rakan-rakan yang menggunakannya terlalu lama. Wajarkah tindakan kamu dan rakan-rakan? Berikan sebab.

Situasi 3

Kebiasaannya, kamu dan rakan-rakan menjalani latihan tarian kebudayaan di ruang tamu rumah panjang pada setiap malam minggu. Pada masa yang sama, ruang tamu rumah panjang tempat kamu akan digunakan untuk sesi penggambaran oleh sebuah syarikat perfileman luar negara. Kamu dan rakan-rakan tidak berpuas hati dan merungut kerana tidak dapat menjalani latihan. Wajarkah tindakan kamu dan rakan-rakan? Berikan sebab.

Situasi 4

Kamu mengikut bapa kamu ke Perlawanan Bola Sepak Piala Perpaduan Peringkat Kebangsaan. Semasa berada di situ, penyokong pasukan pelawat yang memenangi perlawanan tersebut merendah-rendahkan pasukan kamu yang kalah. Kamu berasa tersinggung lalu memarahi mereka. Wajarkah tindakan kamu? Berikan sebab.



Buat refleksi sendiri. Apakah kebbaikannya apabila kamu bertoleransi dalam situasi seperti yang di atas?

NOTA GURU

- Pelbagaikan situasi untuk dibincangkan dan dilakonkan oleh murid.





Bertolak Ansur Membawa Kesejahteraan



Teliti dan fahami sikap toleransi yang ditunjukkan oleh Adry dan pasukannya semasa mewakili negara dalam pertandingan pancaragam peringkat antarabangsa yang diadakan di Kuala Lumpur.

Situasi 1

Semasa di kaunter pendaftaran

Adry dan pasukan pancaragamnya beratur dan menunggu giliran semasa mendaftar di kaunter pendaftaran.



Situasi 2


Semasa di dewan makan

Adry dan pasukan pancaragamnya tidak berebut-rebut dengan pasukan negara lain untuk mengambil makanan yang disediakan oleh pihak hotel.

Situasi 3

Semasa menunggu bas untuk ke tempat pertandingan

Bas pasukan pancaragam dari negara lain telah mengalami kerosakan. Adry dan pasukannya mempelawa pasukan tersebut menggunakan bas mereka kerana pasukan Adry akan membuat persembahan pada waktu petang.



1. Bagaimanakah Adry dan pasukannya bertoleransi semasa mewakili negara ke pertandingan antarabangsa yang diadakan di Kuala Lumpur?
2. Andaikan kamu ialah Adry. Apakah kebaikannya kepada negara apabila kamu mengamalkan sikap toleransi?
3. Ceritakan perasaan kamu apabila sikap toleransi kamu dapat memberikan kebaikan kepada diri dan negara.



NOTA GURU

- Minta murid membincangkan kesan kepada negara sekiranya rakyat tidak mengamalkan sikap toleransi semasa melancong ke negara lain.



Toleransi Teras Perpaduan

Guru kamu bercadang untuk mengadakan pertandingan melukis poster bertemakan “Toleransi demi Negara”. Pertandingan ini bertujuan untuk memberikan kesedaran dan penghayatan kepada murid tentang betapa pentingnya mengamalkan sikap toleransi dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum demi kesejahteraan negara. Teliti syarat-syarat penyertaan seperti yang berikut.

PERTANDINGAN MELUKIS POSTER
TEMA: TOLERANSI DEMI NEGARA


1. Pertandingan ini dijalankan secara berkumpulan.
2. Setiap kumpulan hanya boleh menghantar satu penyertaan sahaja.
3. Medium lukisan adalah bebas sama ada cat air, cat minyak, pensel warna atau sebagainya.
4. Penilaian akan dijalankan oleh guru berdasarkan kriteria berikut.
 - keaslian
 - konsep
 - kreativiti
 - kekemasan
5. Kumpulan yang mendapat jumlah markah tertinggi ialah pemenang.

Sertailah pertandingan ini. Hadiah menarik menanti anda!



Secara berkumpulan, hasilkan poster bertemakan “Toleransi demi Negara” secara kreatif. Kamu dan kumpulan juga dikehendaki menggunakan slogan berkaitan dengan kebaikan mengamalkan toleransi.

Contoh poster:



Kenal pasti dan bincangkan kebaikan mengamalkan sikap toleransi berdasarkan setiap poster yang dihasilkan.

NOTA GURU

- Pilih pemenang berdasarkan kriteria penilaian yang diberikan.
- Pamerkan semua poster murid di Sudut Pendidikan Moral.





Penilaian Formatif



Berdasarkan borang di bawah, rekodkan pengalaman kamu mengamalkan sikap toleransi dengan orang lain.

Borang Amalan Toleransi

Nama : _____

Umur : _____

Jantina : _____

Situasi/Majlis/Program/Aktiviti: _____

Cara saya bertoleransi semasa berada dalam situasi/majlis/program/aktiviti tersebut:

Kebaikan yang diperolehi apabila saya bertoleransi dalam situasi/majlis/program/aktiviti tersebut:

a. Kebaikan kepada saya:

b. Kebaikan kepada orang lain:

c. Kebaikan kepada negara:

Perasaan saya apabila dapat bertoleransi dalam situasi/majlis/program/aktiviti tersebut:






Penilaian Sumatif



Berdasarkan situasi, jawab soalan yang diberikan.

- A. Kamu sekeluarga menginap di sebuah hotel yang sama dengan pasukan koir sebuah sekolah yang akan bertanding pada peringkat kebangsaan. Pasukan tersebut berlatih sehingga mengganggu ketenteraman kamu sekeluarga.



1. Patutkah kamu bertoleransi dalam situasi tersebut? Mengapa?

2. Sekiranya kamu peserta pasukan koir, terangkan cara kamu bertoleransi dengan penginap hotel yang lain.

- B. Cadangan kamu ditolak semasa mengemukakan strategi perlawanan hoki peringkat kebangsaan. Ahli pasukan skuad kamu yang lain pula ingin menegakkan cadangan mereka menyebabkan suasana tidak terkawal.

1. Bagaimanakah perbincangan tersebut dapat diselesaikan secara bertoleransi?

2. Ceritakan perasaan kamu apabila perbincangan tersebut dapat diselesaikan secara bertoleransi.



C.

Seronoknya melancong di Malaysia. Rakyatnya bertoleransi. Urusan saya di sini sangat mudah.



1. Huraikan kepentingan rakyat Malaysia bersikap toleransi.

2. Terangkan perasaan kamu tentang pujian pelancong tersebut.

NOTA GURU



- Bersama-sama dengan murid, rumuskan kepentingan bertoleransi demi keharmonian negara.

Dengan ini **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baik dan bertanggungjawab atas kehilangannya serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

Skim Pinjaman Buku Teks

Sekolah _____

Tahun	Darjah	Nama Murid yang Menerima	Tarikh Terima

Nombor Perolehan: _____

Tarikh Penerimaan: _____

BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL